

Bil 1

2020



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka



**MASMED**  
Malaysian Academy of SME &  
Entrepreneurship Development

# SINERGI

## KEUSAHAWANAN

Sinergi Ilmu Menjana

Ekonomi Baharu



# SINERGI KEUSAHAWANAN

**Sinergi Ilmu Menjana Ekonomi Baharu**

Edisi 1/2020

**Impak Covid-19 terhadap Usahawan dan Perniagaan**

Unit Keusahawanan,  
PJI, UiTM Cawangan Melaka.  
Malaysian Academy of SME and Development.  
MASMED

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2020

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN : 2735-0185

Diterbitkan oleh:

Unit Keusahawanan,

PJI, UiTM Cawangan Melaka

Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED),

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka,

Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu,

78000 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA.

Tel : 606-5582000,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit Keusahawanan (MASMED), UiTM Cawangan Melaka

E-mail : [masmed.melaka@gmail.com](mailto:masmed.melaka@gmail.com)

Facebook: <https://www.facebook.com/masmedmelaka>

Instagram: <https://www.instagram.com/masmed.melaka/>

Official website for Kosiswa: <http://kosismcm.com.my>

Sidang Redaksi	iii
Kata Aluan Penolong Naib Canselor MASMED	1
Kata Aluan Rektor	2
Kata Aluan Timbalan Rektor PJI	3
Kata Aluan Koordinator Keusahawanan	4
Laporan Aktiviti Keusahawanan UiTMCM Januari-Jun 2020	
• Changemaker Mindset Programme	5
• Program Plastic to Art Dan Pelancaran Kempen 'BR Duitnow @ Uni' (Kampus Alor Gajah)	6
• Program Plastic to Art Dan Pelancaran Kempen 'BR Duitnow @ Uni' (Kampus Jasin)	7
• Program Plastic to Art dan Pelancaran Kempen 'BR Duitnow @ Uni' (Kampus Bandaraya Melaka)	8
• Program Online Business Springboard (OBS) Zon Selatan	9
• Projek Madu Kelulut UiTM Cawangan Melaka	10
• UiTM Internship Immersion Programme (UIIP) Peringkat UiTM Cawangan Melaka	11
• Seminar Keusahawanan Digital	12
• Projek Sumbangan Juadah Kepada Petugas Barisan Hadapan	13
• Sesi Latihan Pengendalian Madu Kelulut	14
Editorial (Kosiswa)	15
Karya Kreatif	
• Covid-19: Usahawan, Perniagaan Dan Ujian	18
• Pantun: "Interaksi Usahawan Dengan Covid-19"	19
• Covid - 19: Menitip Sebuah Kesiapsiagaan	20
• Usahawan Kreatif	21
• Norma Baharu	21

- Sajak: Memacu Eco Covid-19 22
- Pantun Dedikasi Untuk "Rider" 23
- Sang Corona 24
- Usahawan Covid-19 25
- Covid-19, Perniagaan Dan Aku 26

#### Penulisan Akademik

- Pengurusan Akaun Dan Kewangan Mampu Atasi Kesan Covid-19 27
- Unemployment and The Nexus of Demand In The Field  
Of Proofreading and Editing Due to The Impact of Covid 19 30
- Hikmah Atas Ujian Covid-19 33
- 5 Ikon Usahawan Bumiputera Berjaya 34
- Logo Halal Jakim Dan Covid-19 38
- Urus Niaga Secara Dalam Talian (Online) Sepanjang Tempoh  
Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp): Strategi Ke Arah  
Kelestarian Perniagaan 41
- Perlindungan Insurans Takaful Dan Covid-19 45
- Covid-19 Mengganas, Usahawan Tertewas... 47
- Covid-19 Dan PKP: Kesan Kepada Usahawan Penternakan  
Arnab Pedaging 49
- Covid-19 Dan Cabaran Kepada Perniagaan Kecil Dan  
Sederhana (PKS): Industri Sokongan Sektor Kesihatan 52

# SIDANG REDAKSI

## **PENAUNG**

Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor  
Rektor UiTM Cawangan Melaka

## **PENASIHAT**

Prof. Dr Shafinar Ismail  
Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni

## **PENGERUSI**

Zunaidah Ab Hasan  
Koordinator Unit Keusahawanan (MASMED), UiTM Cawangan Melaka

## **EDITOR (Isi Kandungan)**

Nurhamizah Ishak

## **PENOLONG EDITOR (Susun Atur)**

Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz

## **AHLI JAWATANKUASA:**

### **PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL**

Mohd Rahmat Mohd Noordin  
Nor Halawah Ahmad  
Norajila Che Man  
Noor Azzura Mohamed  
Nor Shahrina Mohd Rafien  
Farah Shazlin Johari  
Zarinah Abu Yazid  
Khalilah Ibrahim

### **PEREKA BENTUK DAN GRAFIK (Muka Hadapan)**

Aidah Alias

### **PENYUNTING BAHASA**

Zuraidah Kamarudin  
Nurul Huda Mohd Saad

## Kata Aluan Penolong Naib Canselor



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

Alhamdulillah kerana dengan izinNya diberikan ruang dan kesempatan untuk menukikan kata aluan dalam terbitan sulung **Buletin Sinergi Keusahawanan**. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas kejayaan menerbitkan buletin ini buat julung kalinya.

Buletin ini bukan sahaja memaparkan perkembangan semasa aktiviti keusahawanan UiTM Cawangan Melaka, secara tidak langsung ia menjadi wadah kepada para pensyarah untuk berkongsi karya kreatif dan ilmiah dengan pembaca keseluruhannya. Tema semasa telah dipilih oleh sidang redaksi buletin pada kali ini iaitu **"Impak Covid-19 terhadap usahawan dan perniagaan"**. Tahniah saya ucapkan dengan pemilihan tema ini yang sangat relevan kepada para usahawan. Saya melihat Covid-19 ini dari sudut positif di mana salah satu kesannya ia telah berjaya mewujudkan *kluster keusahawanan* dengan tumbuhnya usahawan-usahawan segera.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada MASMED UiTM Cawangan Melaka yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan pendedahan aktiviti keusahawanan kepada para pelajar UiTM Melaka. Hal ini selaras dengan objektif penubuhan MASMED yang berperanan memupuk dan menerapkan nilai-nilai keusahawanan bukan sahaja di kalangan siswa-siswi, bahkan juga tenaga pengajar dalam meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan pekerjaan dikalangan graduan UiTM. Pada masa yang sama, MASMED UiTMCM juga telah menyahut usaha Kementerian Pengajian Tinggi di dalam melahirkan pelajar yang mampu mencipta peluang pekerjaan sebagai usahawan cemerlang apabila tamat pengajian nanti.

Akhir kata, diharap buletin ini dapat diterbitkan secara konsisten pada masa hadapan. Semoga usaha menerbitkan buletin ini akan menyumbang kepada pembentukan usahawan dalam kalangan pelajar dan meningkatkan kompetensi diri mereka.

**PROF. DR SYED JAMAL ABDUL NASIR SYED MOHAMAD**

**Penolong Naib Canselor**

**Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)**

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

## Kata Aluan Rektor



**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Satu UiTM, UiTM di hatiku.**

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Ilahi dengan izin-Nya, Buletin Sinergi Keusahawanan dapat diterbitkan buat julung-julung kalinya. Terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk melakar coretan dalam buletin ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Sinergi Keusahawanan di bawah Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) dan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, UiTM Cawangan Melaka atas kejayaan menerbitkan buletin yang memberi liputan berkenaan bidang perniagaan dan keusahawanan. Penerbitan buletin ini menyambut baik aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) untuk menyemai minda keusahawanan ke dalam seluruh sistem pendidikan tinggi dan mewujudkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan menjadi penjana pekerjaan.

MASMED UiTMCM melalui program yang dianjurkan dengan kerjasama Koperasi Siswa (KoSiswa) dan Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA), telah banyak menyumbang kepada pembangunan usahawan pelajar UiTM Cawangan Melaka dengan menawarkan pelbagai latihan pementapan skil perniagaan dan keusahawanan. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh MASMED ialah Car Boot Morning Market, Program Latihan “Online Business Springboard” (OBS), Changemaker Mind Set, perniagaan *push-cart*, Seminar Keusahawan Siri 2.0, MyBest Buy, Myagrosis & NBME Talk, Program EntreBizz & E Wallet Boost Application, dan Karnival Anak Malaysia.

Penerbitan buletin ini menjadi ruang untuk berkongsi perkembangan semasa aktiviti keusahawanan UiTM Cawangan Melaka di samping berkongsi pencapaian pelajar yang mewakili UiTM Cawangan Melaka dalam pertandingan yang melibatkan aktiviti keusahawanan. Buletin ini juga merupakan platform bagi pensyarah untuk menyumbang karya berbentuk kreatif mahupun ilmiah berdasarkan topik keusahawanan. Bertepatan dengan isu yang melanda dunia sekarang, buletin kali ini bertemakan “Impak Covid-19 Terhadap Usahawan dan Perniagaan”.

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**PROFESOR DR. ABD HALIM BIN MOHD NOOR**  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka



## Kata Aluan Timbalan Rektor PJI



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada sidang redaksi majalah atas kejayaan menerbitkan majalah ulung lagi istimewa ini. Terima kasih kerana saya diberi peluang dan kesempatan untuk memberikan sepatah dua kata dalam majalah ini.

Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) secara rasminya diwujudkan sebagai penanda aras bagi menunjukkan pencapaian keusahawanan pelajar, penajaan pendapatan universiti, mewujudkan kepelbagaian jaringan dan aktiviti bermula dari peringkat kebangsaan hinggalah ke peringkat antarabangsa. Semua program dan sebarang bentuk kegiatan berkaitan keusahawanan dipaparkan secara bertulis dan bergambar untuk tatapan semua pembaca. Dengan ini, rakaman detik-detik peristiwa dapat diterjemahkan sebagai satu bentuk informasi yang berupaya memberi manfaat kepada usaha melahirkan generasi usahawan muda dan berintelekt. Bahkan segala program juga dilihat mengorak usaha mencambahkan minat dalam penulisan karya-karya dan penerbitan di UiTM Cawangan Melaka.

Sekali lagi tahniah dan syabas diucapkan kepada jawatankuasa dan sidang redaksi Sinergi Keusahawanan atas kejayaan menerbitkan majalah berinformasi seumpama ini. Semoga usaha murni yang bermanfaat ini dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang. InsyaAllah.

**Sekian, terima kasih.**

**PROFESOR DR. SHAFINAR BINTI ISMAIL**  
**Timbalan Rektor PJI,**  
**Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka**

## Kata Aluan Koordinator Keusahawanan



**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah kerana dengan izinNya lahirnya edisi pertama **Buletin Sinergi Keusahawanan**, Unit Keusahawanan (MASMED), PJI UiTM Cawangan Melaka. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi yang bertungkus-lumus menghasilkan buletin ini. Terima kasih kepada penyumbang karya kreatif dan artikel ilmiah yang memenuhi tema edisi buletin ini iaitu *“Impak Covid-19 terhadap usahawan dan perniagaan”*. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Penolong Naib Canselor MASMED, Prof Dr Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad yang sudi menyumbang kata-kata aluan di buletin ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Pengurusan Tertinggi UiTMCM, yang sentiasa menyokong program kami; terutama sekali Yang Berbahagia Rektor, Prof Dr Abd Halim bin Mohd Noor dan Prof. Dr. Shafinar Ismail, Timbalan Rektor PJI yang sentiasa memberi tunjuk ajar dalam pencapaian KPI Unit Keusahawanan di UiTMCM.

Segunung tahniah juga saya rakamkan buat penyelaras dan ahli jawatankuasa Unit Keusahawanan (MASMED), PJI UiTMCM yang sentiasa bekerjasama di dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang telah dirancangan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat.

Semoga penerbitan buletin ini memberi manfaat kepada semua, terutamanya kepada pembaca, penyumbang artikel dan para graduan. Sememangnya diakui, pandemik Covid-19 bukan sahaja memberi tamparan hebat kepada kelangsungan hidup peniaga dan perniagaan mereka, tetapi juga setiap lapisan masyarakat antarabangsa merasai kesannya. Semoga negara kita berjaya di dalam mengharungi cabaran ini.

Sekali lagi, tahniah dan syabas pada mereka yang telah menjayakan terbitan sulung buletin ini. Semoga kita berjumpa lagi di edisi buletin akan datang.

**Salam Hormat.**

**ZUNAIDAH AB HASAN**  
**Koordinator Keusahawanan**  
**Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka**

# LAPORAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN UiTM CAWANGAN MELAKA JANUARI-JUN 2020

## CHANGEMAKER MINDSET PROGRAMME

Penulis: Nurhamizah Ishak

ALOR GAJAH, 8 Februari 2020 - Telah berlangsung satu program orientasi keusahawanan bersama pelajar interim bertempat di Dewan Bendahara, Kampus Alor Gajah. Menerusi program ini, pelajar telah didedahkan mengenai asas dunia keusahawanan menerusi satu ceramah sebelum mereka dibahagikan kepada sepuluh kumpulan. Setiap kumpulan pelajar diberikan tugas untuk melaksanakan aktiviti yang mengaplikasikan prinsip keusahawanan yang telah dipelajari dengan dibantu oleh fasilitator yang terdiri daripada para pensyarah.



## PROGRAM PLASTIC TO ART DAN PELANCARAN KEMPEN 'BR DUITNOW @ UNI' (KAMPUS ALOR GAJAH)

Penulis : Noor Azzura Mohamed

ALOR GAJAH, 18 Februari 2020 - Telah berlangsung Program Kempen 'BR DuitNow @ Uni' dan Program Sustainable Development Goals (SDG) yang merupakan usahasama di antara UiTM Cawangan Melaka dan Bank Rakyat bertempat di Dewan Bendahara, Kampus Alor Gajah.

Program ini telah dihadiri oleh Rektor UiTM Cawangan Melaka, YBhg Prof. Dr Abd Halim Mohd Noor dan juga Timb. Rektor PJI, Prof. Dr Shafinar Ismail. YBhg Rektor dan TRPJI juga telah menyempurnakan acara cabutan bertuah. Seramai 4 orang peserta yang bertuah telah menerima wang tunai berjumlah RM50 setiap seorang. Mereka yang dimaksudkan ialah Roslinah Harun, Noor Alin Che Ani, Suriya Japsan dan Haniza Sirun.



**Bank Rakyat DuitNow @Uni**

Register DuitNow/Rakyat now! Stand a chance to win lucky draw at each campus and grand lucky draw @ UiTM Alor Gajah.

Prizes for Lucky Draw		
UiTM Campus		
Jasin	Bandaraya	Alor Gajah
RM50 x 4 : RM200	RM50 x 4 : RM200	RM50 x 4 : RM200
RM100 x 1 : RM100	RM100 x 1 : RM100	RM100 x 1 : RM100
RM200 x 1 : RM200	RM200 x 1 : RM200	RM200 x 1 : RM200

Grand Lucky Draw	
Bicycle	RM2,000 x 1
Laptop	RM2,000 x 1
Gadget	RM1,000

Terms and conditions apply

**BANKRAKYAT** Your Bank of Choice

1300 80 5454  
www.bankrakyat.com.my  
myBANKRAKYAT

**DKN 2030**



## PROGRAM PLASTIC TO ART DAN PELANCARAN KEMPEN 'BR DUITNOW @ UNI' (KAMPUS JASIN)

Penulis : Norajila Che Man

**J**ASIN, 19 Februari 2020 - Telah berlangsung Program Plastic to Art & DuitNow Bank Rakyat di Auditorium, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Program ini telah disertai oleh 62 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah dan staf pentadbiran UiTM Melaka Cawangan Kampus Jasin.

Antara pengisian program ini termasuklah sesi Taklimat pengurusan kewangan dan produk Bank Rakyat, tayangan montaj, pendaftaran DuitNow/iRakyat serta sesi cabutan bertuah. Sesi penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Puan Zunaidah Ab Hasan selaku koordinator Unit Keusahawanan UiTM Cawangan Melaka bersama Pegawai Bank Rakyat Cawangan Melaka. Sekalung tahniah buat para pemenang yang bertuah.



## Program Plastic to Art dan Pelancaran Kempen 'BR Duitnow @ Uni' (Kampus Bandaraya Melaka)

Penulis : Nor Shahrina Mohd Rafien

**B**ANDAR MELAKA, 25 Februari 2020 - Telah berlangsung program DuitNow dan 'Plastic to Art' anjuran Bank Rakyat dengan Kerjasama Unit Keusahawanan UiTM Cawangan Melaka di Bilik Seminar, Aras 16, UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Seramai 100 orang peserta terlibat dalam program ini terdiri daripada kakitangan pentadbiran, pensyarah dan juga pelajar. Taklimat telah disampaikan oleh wakil dari ibu pejabat Bank Rakyat di Kuala Lumpur. Di samping itu, lima cabutan bertuah telah di adakan bagi peserta yang telah mempunyai akaun simpanan di Bank Rakyat. Terdapat juga cenderahati yang diberikan kepada peserta yang menghadiri program tersebut.



## PROGRAM ONLINE BUSINESS SPRINGBOARD (OBS) ZON SELATAN

Penulis : Mohd Rahmat Mohd Noordin

**M**elaka 6 Mac 2020 -MASMED UiTM Shah Alam dengan kerjasama UiTM Zon Selatan telah menganjurkan Program Online Business Springboard (OBS). Program OBS ini diadakan dari 6 hingga 8 Mac 2020 bertempat di Hotel The Straits Melaka bertujuan untuk menyediakan para pelajar ke arah menjadi seorang usahawan digital. Penyertaan adalah seramai hampir 140 pelajar yang terdiri daripada pelajar UiTM Cawangan Melaka, UiTM Cawangan Johor dan UiTM Cawangan Negeri Sembilan. UiTM Cawangan Melaka telah menghantar seramai 28 pelajar bagi menyertai program ini. Sepanjang program, para pelajar didedahkan dengan pelbagai ilmu keusahawanan digital seperti Pemasaran Facebook, Pemasaran Whatsapp, membina laman web dan lain-lain. Secara keseluruhannya, program ini berjaya membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar sebagai persediaan menjadi sebahagian dari usahawan siber di Malaysia.



## PROJEK MADU KELULUT UiTM CAWANGAN MELAKA

Penulis : Zunaidah Ab Hasan

**A**LOR GAJAH, 16 Mac 2020- Projek Kelulut UiTM Cawangan Melaka telah berjaya dilaksanakan dengan 5 log madu kelulut telah ditempatkan di Kampus Alor Gajah. Bagi perancangan masa hadapan, lebih banyak log Kelulut akan ditambah lagi. Ini merupakan satu platform yang baik untuk memberi pendedahan latihan keusahawanan kepada para pelajar yang mengambil subjek keusahawanan selain mampu menjana pendapatan bagi UiTM Cawangan Melaka secara tidak langsung oleh Unit Keusahawanan, PJI UiTM Cawangan Melaka.





## UiTM INTERNSHIP IMMERSION PROGRAMME (UIIP) PERINGKAT UiTM CAWANGAN MELAKA

Penulis: Khalilah Ibrahim

UiTM Internship Immersion Programme (UIIP) peringkat UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) telah berlangsung pada Oktober 2019 sehingga Mac 2020. Sebanyak 4 kumpulan yang disertai oleh seramai 16 orang pelajar sebagai peserta dan 8 orang pensyarah sebagai penasihat kumpulan terlibat di dalam pelaksanaan program ini. Empat kumpulan ini terdiri daripada pelajar diploma dan ijazah serta melibatkan 3 kampus, iaitu dari kampus Alor Gajah, kampus Bandaraya dan kampus Jasin.

Program ini telah membuka peluang kerjasama dengan industri dan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai selok belok dunia perniagaan selama lebih kurang 3 bulan (Oktober – Disember 2019). Tempoh masa 3 bulan ini dikira bermula dari persediaan untuk memilih organisasi perniagaan setempat yang berpotensi dan bersetuju bekerjasama dengan Unit Keusahawanan (MASMED) UiTM Cawangan Melaka bagi penganjuran program ini. Selepas pemilihan organisasi dibuat dan dipersetujui, berikutnya adalah sesi penyerahan sekumpulan pelajar yang telah ditetapkan kepada pengusaha terbabit.

Pelajar-pelajar ini kemudiannya akan mengadakan lawatan dan perbincangan di premis pengusaha berkenaan dan pada masa yang sama mendalami isu-isu serta permasalahan di dalam organisasi tersebut. Menerusi bimbingan seorang pensyarah penasihat, kumpulan pelajar ini akan cuba merungkaikan segala permasalahan mengikut kreativiti dan kesesuaian semasa.

Strategi dan daya usaha mereka ini kemudiannya dipertandingkan bagi melihat sejauhmanakah tahap dan kemampuan pelajar ini sebagai kumpulan konsultant muda. Pertandingan bermula di peringkat kampus kemudiannya pemilihan wakil UiTM negeri. Sekiranya berjaya, ianya akan berlanjutan pula sehingga ke peringkat UiTM se-Malaysia.



Di peringkat UiTM Cawangan Melaka, pertandingan telah dilaksanakan pada 7 Mac 2020 yang lalu. Empat kumpulan yang bertanding terdiri daripada kumpulan Team Decode Consultant (KJM), Leothar Consultant (KJM), Junior Exuberant (KAG) dan Junior SUZA Consultant (KBM). Selesai pertandingan, kumpulan Junior SUZA Consultant dari KBM telah menjuarai pertandingan sekaligus mewakili UiTM Cawangan Melaka ke Pertandingan Akhir UIIP Peringkat UiTM Se-Malaysia di Terengganu nanti.

Secara keseluruhannya, program ini dilihat sebagai platform terbaik bagi para pelajar melaksanakan dan mengaplikasikan strategi perniagaan yang selama ini dipelajari melalui teori sahaja. Kerjasama dan lawatan ke premis pengusaha ini juga dilihat dapat memupuk hubungan di antara organisasi pengusaha untuk sama-sama meningkatkan serta memupuk minat pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pengalaman ini juga akan dapat dijadikan input yang berkesan untuk penambahbaikan yang berterusan ke arah memupuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar.

## SEMINAR KEUSAHAWANAN DIGITAL

Penulis : Mohd Rahmat Mohd Noordin

**MASMED**  
 Malaysian Academy of SME and  
 Entrepreneurship Development

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
 Cawangan Melaka

**SEMINAR KEUSAHAWANAN DIGITAL**

**PENULISAN DAN KEUSAHAWAN**

**ISNIN**  
**18/MEI/2020**  
**10.30AM - 12.00PM**

**Google Meet:**  
<https://meet.google.com/xwy-oizi-erz>

**Terbuka (Pensyarah & Pelajar)**

Guest Writer  
[iProperty.com.my](http://iProperty.com.my)  
 Vice President  
 (MINDWARE PLT)  
 Examiner (STPM)

**MOHAMAD IDHAM MD RAZAK**  
 SENIOR LECTURER  
 Faculty of Business Management  
 UiTM Cawangan Melaka  
 Kampus Jasir

Organized by:  
 Unit IT Based  
 Entrepreneurship  
 MASMED UiTM  
 Cawangan Melaka

UiTM Melaka 18 Mei 2020 - Siapa sangka sebenarnya kita mampu menjana pendapatan hanya dengan menulis. Hal ini telah dibuktikan oleh En. Mohammad Idham Abd Razak, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka. Melalui satu webinar bertajuk Penulisan dan Keusahawanan, beliau telah berkongsi pengalaman sebagai penulis bebas bagi majalah dan kolumnis tempatan. Webinar anjuran MASMED UiTM Cawangan Melaka ini diadakan secara atas talian disebabkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di negara ini. Program ini telah menarik penyertaan hampir 150 peserta. Rata-rata peserta berkongsi keterujaan mereka untuk menjana hasil pendapatan melalui penulisan. Adalah diharapkan dengan penganjuran program seumpama ini, semua peserta memperoleh idea untuk menjana pendapatan sampingan melalui aktiviti penulisan.

## PROJEK SUMBANGAN JUADAH KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN

Penulis : Dr Azhana Othman & Zunaidah Ab Hasan

BERKONGSI REZEKI DI BULAN RAMADHAN MENYANTUNI BARISAN FRONTLINER

SUMBANGAN KE AKAUN :  
KELAB SUKARELAWAN ZAKAT  
5540 2629 2153 (MAYBANK)

#KITA JAGAKITA  
#JOMBERBUKABERSAMA

BAGI MENGUMPUL DANA UNTUK JUADAH BERBUKA KEPADA PIHAK FRONTLINER SEBAGAI TANDA TERIMA KASIH

HANTARKAN BUKTI TRANSAKSI DAN PERTANYAAN KEPADA :  
DR. AZHANA OTHMAN 016 667 4646  
MUHAMMAD AQIL ZAINIE 011 3700 8195

Sebagai tanda penghargaan kepada petugas barisan hadapan (frontliners) yang bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menangani wabak COVID19, KELAB SUKARELAWAN ZAKAT (SUZA) dengan kerjasama Unit Keusahawanan (MASMED), PJI, UiTM Cawangan Melaka dan PEWANI, UiTMCM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan projek sumbangan juadah berbuka puasa (food packs) untuk diagihkan kepada mereka. Kempen *fundraising* ini dilaksanakan bermula 24 April sehingga 20 Mei 2020. Projek ini bergantung sepenuhnya kepada kutipan derma dan sumbangan orang ramai.

Pada 8 Mei 2020, majlis penyerahan juadah telah disampaikan oleh wakil Rektor UiTCM, Dr. Azhana Othman (Penasihat 1 SUZA) kepada wakil IPD, DSP Gunasegaran A/L Vengadasalam, Ketua Bahagian, Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti (JPJJK). Turut hadir ialah Pn. Zunaidah Ab Hasan (Kordinator Keusahawanan UiTMCM), Pn. Khalilah Ibrahim (Penyelaras Keusahawanan Sosial) dan Mohd Aqil Zaini (Pengerusi SUZA). Sebanyak 60 bungkus makanan telah diserahkan kepada IPD Melaka Tengah. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak penyedia makanan, Bintang Catering yang turut menaja air mineral untuk para petugas hadapan kita.



Manakala, pada 18 Mei 2020, kami telah menyampaikan sumbangan juadah iftar sebanyak 250 bungkus makanan kepada para petugas hadapan di Hospital Melaka. Majlis penyerahan telah disampaikan oleh Dr. Azhana Othman (Penasihat 1 SUZA) kepada wakil Hospital Melaka, iaitu Pn. Wan Nurhafizah bt Wan Mohd Zin, Pegawai Dietetik. Turut hadir ialah Pn. Zunaidah Ab Hasan (Kordinator Keusahawanan UiTMCM), Pn. Khalilah Ibrahim (Penyelaras Keusahawanan Sosial) dan Pn. Norraeffa Md Taib (Penasihat 2 SUZA).

## SESI LATIHAN PENGENDALIAN MADU KELULUT

Penulis : Nurhamizah Ishak

ALOR GAJAH, 10 Julai 2020- Satu sesi latihan pengendalian madu kelulut anjuran Unit Keusahawanan (MASMED) UiTM Cawangan Melaka telah berjaya dilaksanakan selama tiga jam bermula pada jam 9 pagi sehingga 12 tengahari. Latihan ini turut dihadiri oleh Rektor UiTMCM, Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor dan Timbalan Rektor PJI UiTMCM, Prof. Dr Shafinar. Para peserta yang terdiri daripada 11 orang penyelaras Unit Keusahawanan UiTMCM telah dilatih oleh fasilitator, Encik Mohd Nizar Ramzali yang juga merupakan Penyelia Asrama, Unit Pengurusan Kolej, UiTMCM. Sewaktu sesi latihan, para peserta diberikan penerangan mengenai lebah kelulut dan berpeluang menuai sendiri madu kelulut secara langsung daripada sarangnya.



# EDITORIAL KOSISWA

## STUDENTS' COOPERATIVE (KOSISWA) IN UITM MELAKA AND ITS VIABILITY

By Nor Halawah Ahmad

Cooperatives are incorporated purposely to help manage and raise the living standard of its members. In Malaysia, according to Cooperative Commission, there are 14,236 cooperatives with 6.5 million registered members which undoubtedly form a major economic force.

At higher learning institutions, the establishment of cooperative by students has been given a priority by Ministry of Higher Learning Institution to enhance entrepreneurial ability and skill by increasing the number of cooperative enterprises when students become members of cooperative. The importance of cooperative establishment has been stated in Dasar Koperasi Negara 2011-2020. This cooperative enterprise model has been argued to be one possible approach to transform Malay economies since Malays make up the majority members of cooperatives in the country.

Nevertheless, students' cooperative establishment at higher learning institutions has its own challenges as students need to have high passion and interests to be involved in managing business and at the same time juggling with their studies.

Other than that, a good systematic management of students' cooperative is also a significant factor to a successful students' cooperative unit. Business competition is inevitable. Students' cooperative may face difficulty in managing business particularly retails in campus as there are other operators as well with good financial capabilities and reputation.

The management of cooperative is obliged to follow its Rang Undang-Undang Kecil (RUU) and should comply with Akta Koperasi 1993. The failure to follow these laws will jeopardize the establishment of cooperative in the future. The management of cooperative is also obliged to send its members to go for courses conducted by Suruhanjaya Koperasi Malaysia to equip the students with cooperative's business concepts

Students' cooperative in UiTM Cawangan Melaka (Kosiswa) has been established since 2012 and still continues to operate but not at its full capacity due to few constraints, for example, not having a business premise and full time staff. To date, major entrepreneurial activities carried are business rental namely rental of small business equipment and event props services which cover the needs of prospective customers in all



The main focus of students' cooperative (Kosiswa) now is recruiting more members and providing a business attractions and opportunities in the new premise provided by the university (a premise after 8 years of Kosiswa establishment). When there are more members registered, more capital will be accumulated and new type of business activities can be offered to the members and community. Hopefully, the completed, fully functional new premise with Automated Teller Machine (ATM) will attract student to become Kosiswa's member in the future.



A new refurbished premise ready to be used in March 2020.



The other effort taken is by duly updating the social media like Facebook and Instagram to acknowledge students about the activities of students' cooperatives on campus. The social media updates will be under supervision of Kosiswa board of management.



Kosiswa UiTM Melaka's website: [kosismcm.com.my](http://kosismcm.com.my)

In addition, students' cooperative (Kosiswa) at UiTM Kampus Melaka has decided to provide a website which facilitates the prospective members an online registration form and business rental services platform. All these come with an online banking payment facilities.

In the meantime, a survey is being conducted as to find out the factors which may hinder the students' willingness to become a member of students' cooperative (Kosiswa) of UiTM Melaka and their preferred services on campus.

All the concerted efforts mentioned above hopefully could improve the financial ability and importantly the viability of students' cooperative at UiTM Melaka. Indeed, it may take years for student's cooperative (Kosiswa) of UiTM Melaka to become a successful business entity amid the economic uncertainty and worst pandemic in 2020, but nothing is impossible and if all is well, the coming year 2021 may bring new and more attractive opportunities to Kosiswa.

## COVID-19: USAHAWAN, PERNIAGAAN DAN UJIAN

**Nukilan: NURUL AIDA HARUN**

*Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka*

Allah memberi rezeki yang seluas-luasnya  
Biarpun tiada kita meminta daripada-Nya  
Allah memberi ujian  
Biar kita ingat kepada-Nya  
Segalanya ada tujuan dan terselit hikmah  
Hadir Covid-19 menjadikan badan manusia sebagai rumah  
Covid-19 menyerang kehidupan  
Covid-19 mengubah rutin harian  
Covid-19 mengekang urusan perniagaan  
Covid-19 membantutkan ekonomi usahawan  
Covid-19 kita perlu duduk rumah diam-diam putuskan rangkaian  
Maka kilang-kilang tiada pengeluaran  
Pekerja tiada bayaran  
Perniagaan terpaksa dihentikan  
Barangan mentah rosak akibat tiada jualan  
Nasib baik kerajaan bagi bantuan  
Kerana modal sudah habis pakai  
Hutang perniagaan belum tentu langcai  
Masalah dapatkah diselesai  
Atau semakin kusut masai  
Usahawan perlu bijak melerai  
Agar segala jadi terungkai  
Usahawan perlu bangkit setelah Covid-19 usai.

K  
A  
R  
Y  
A  
  
K  
R  
E  
A  
T  
I  
F



## PANTUN

### “INTERAKSI USAHAWAN DENGAN COVID-19”

**Nukilan: MUAZ BIN HJ MOHD NOOR**

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka*

Hingga ke petang disangka panas,  
Rupanya hujan di tengah hari,  
Siapa sangka virus Covid-19 mengganas,  
Awal 2020 usahawan peniaga telah teruji.

Asyik berfikir tekak dan perut,  
Sehingga tak sedar musibah mengejar,  
Perniagaan ada pasang dan surut,  
Umpama roda sedang berputar.

Merenung jauh di jendela tingkap,  
Memikir nasib di hari mendatang;  
Hidup ini tidak kan lengkap,  
Ujian Covid datang bertambah matang.

Musibah datang, bala menjelang,  
Pasti terselit hikmah tersirat;  
Lumrah usahawan susah dan senang,  
Redha selalu tidaklah melarat.

Covid-19 nama bencana,  
Sakit senang hakikat hidup;  
Tabahlah diri sekalian peniaga,  
Dulu sanggup, selamanya sanggup.

Tsunami, banjir, wabak dan taun,  
Peniaga bersabar tabah menanggung;  
Berkat berniaga membina santun,  
Baru hidup tidaklah canggung.

Ibarat sungai mengairi muara  
Musibah Covid pasti kan pergi;  
Terus berniaga yakin ketentuan-Nya,  
Diberkati Allah insya-Allah dimurahkan rezeki.

K  
A  
R  
Y  
A  
  
K  
R  
E  
A  
T  
I  
F

**COVID - 19: MENITIP SEBUAH KESIAPSIAGAAN**  
(*Dalam menginsafi amarah bingkisan Tuhan - pandemik COVID -19*)

**Nukilan: MOHD AB MALEK BIN MD SHAH**  
*Jabatan Undang - Undang (JUJ), UiTM Cawangan Melaka*

Betapa hingar suatu pagi nan segar  
Umat manusia nanar tersedar  
Minda berpinar atma berdebar  
Bahana gejala liar tersebar  
Terkapar ketar tiada tergambar  
Gentar menggeletar...gempar terbongkar...persis halilintar...

Lantas  
Bermadah gundah kisah sang khalifah  
Tiada noktah, tanpa lelah  
Laba yang direncana terus dipungghah  
Agar tidak terus parah menggelabah  
Sumpah amarah betah dimuhasabah  
Tabah menongkah, tanpa pasrah menyerah  
Ummah berhemah terserlah barakah...

Buat kesekian kalinya  
Pembeli bestari, usahawan mithali  
Melestari aplikasi tranformasi kompetensi  
Strategi jauhari rapi dimandiri  
Mengemudi ekonomi pertiwi rapi tersuji  
Meniti evolusi jati diri bervisi...

Sesungguhnya  
Pawaka bahaya segera direncana  
Bersiap siaga sepenuh asa  
Selagi jiwa bersabung nyawa  
Mengharung lelah payah derita sentiasa  
Moga cahaya pasca gelita  
Menitip doa dicicip sejahtera...

## USAHAWAN KREATIF

**Nukilan: PROF MADYA RAWI NORDIN**

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka*

Kita namanya peniaga kecil  
Kita namanya peniaga jalanan  
Kita namanya Pekedai runcit  
Kita namakan usahawan  
Ya, cukup didambakan  
Di suatu masa dan ketika

Kini....  
Covid-19 namanya  
Kita masih di sini  
Berjuang atas nama usahawan  
Rentak kita telah berubah  
Dengan normal baharu  
Teruskan perjuangan ini  
Demi kehidupan  
Yang belum ada garis penamatnya

## NORMA BAHARU

**Nukilan: PROF MADYA RAWI NORDIN**

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka*

Usahawan tani empunya diri  
Bertungkus lumus rezeki dicari  
Tidak diminta tidak dicari  
Apakan daya ia hadiri

Tidak diminta tidak dicari  
Apakan daya ia hadiri  
Bersediakah kita mengawal diri  
Agar bencana tidak hinggapi

Bersediakah kita mengawal diri  
Agar bencana tidak hinggapi  
Jaga kebersihan setiap hari  
Normal baru selalulah amali

Jaga kebersihan setiap hari  
Normal baru selalulah amali  
Rezeki yang berkat perlu dicari  
Moga mendapat rahmat Ilahi

K  
A  
R  
Y  
A  
  
K  
R  
E  
A  
T  
I  
F

SAJAK

MEMACU ECO COVID-19

**Nukilan oleh: DR. IZZAH NUR AIDA ZUR RAFFAR**  
*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka*

Bagaikan tsunami  
Menyentap ekonomi  
Pilu dunia dalam kemurungan  
Tersandarnya usahawan teknopreneur  
Meruncing mata pencarian hidup

COVID-19 datang bukan diundang  
Ke sana ke sini mencari mangsa  
Jangan biarkan covid-19 melatah  
*Stay at home* empunya waktu  
Namun kelangsungan ekonomi  
Dipacu kondusi keselamatan

Langkah kluster ekonomi kerajaan bukan untuk dipuji  
Hanya memastikan kelangsungan pekerjaan  
Sektor ekonomi terus dipacu  
Usahawan tersenyum  
Dari rakyat untuk rakyat.

Jangan biarkan ekonomi tersasar  
Kelak kemiskinan menjajar  
Usahawan teknopreneur  
Perniagaan harus digembleng  
Memajukan dasar pertumbuhan  
Kelangsungan ekonomi negara.

Covid-19 bukannya kiamat  
Kalau esok kiamat  
Hari ini tanamlah benih  
Menjana ekonomi fardhu kifayah  
Kita ada pilihan untuk hidup  
Selagi ajal belum menjemput.

## PANTUN

### DEDIKASI UNTUK "RIDER"

**Nukilan: SITI NORASHIKIN BASHIRUN**

*Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka*

*Umum mengetahui sejak PKP dilaksanakan, perkhidmatan "rider" meningkat kerana permintaan daripada masyarakat terutamanya yang ingin mendapatkan bekalan makanan. Perkhidmatan ini juga secara tidak langsung membantu mereka yang ingin menambah pendapatan sampingan.*

Kota Melaka menjadi saksi  
Keluarmu mencari rezeki  
Yang lain jaga diri  
Permudahkan frontliner beraksi

Pergi Umbai mencari kepah  
Singgah Duyong mengambil kelah  
Rider berkhidmat tanpa lelah  
Mencari upah si penunggu rumah

Covid 19 hingga Mexico  
Rakyat patuh pada MRO  
Rider berkhidmat berdepan risiko  
Bukan lepak minum kopi O

Duduk rumah diam-diam  
Kebersihan diri diutamakan  
Tunggu rider berjam-jam  
Syukur dapat makanan yang diidamkan

Covid 19 menyerang dunia  
Jangan kita duduk alpa  
Ekonomi terjejas sama  
Syukur rangsangan ekonomi ada

Dari Malim menuju Pengkalan  
Bersama motor menjadi teman  
Pesanan masyarakat dikau sampaikan  
Terima kasih kami ucapkan

K  
A  
R  
Y  
A  
  
K  
R  
E  
A  
T  
I  
F

## SANG CORONA

**Nukilan: HAZALINDA HARUN**

*Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka*

Aku fikir kaya aku kekal, rupanya fikiranku dangkal  
Aku kira aman aku selamanya, musibah ini menamatkan satu rasa sempurna  
Aku ingatkan tentera mesti bersenjata, rupanya yang datang lebih kecil dari hama  
Aku kira raja minyak akan menguasai dunia, rupanya ada yang lebih berkuasa.

Pandemik ini merisaukan  
Tularnya tiada belas kasihan  
Dia melangkah sempadan bagai halimunan  
Dia tidak mengambil kira darjat, raja atau rakyat  
Dia tidak mengambil kira kaum dan bangsa yang kamu bangga-bangga  
Dia tidak mengambil kira siapa kita, politikus, ahli akademik yang bijaksana  
Atau peniaga yang kaya raya malah sasterawan dan agamawan Negara.

Terima kasih Yang Maha Mengetahui  
Hadihkan kami sang corona  
Baru kami tahu nikmatnya menghayati senja di rumah  
Sebelum ini kami angkuh dengan sibuknya dunia  
Baru kami sedar, amanah kami juga ada di mahligai sendiri  
Nah di sana ada seorang anak kecil yang gembira corona tiba  
Kerana kini menjadi tumpuan ibu bapanya  
Kami sedar ada pintu yang jarang kami ketuk dek kerana istilah sibuk  
Abah, mak lepas corona sumpahkan kami jenguk  
Sudahlah corona datang mengajar  
Kembalikan kami dalam keadaan yang lebih sempurna.

## USAHAWAN COVID-19

**Nukilan: AINI FAEZAH RAMLAN**

*Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Cawangan Melaka*

Menjadi seorang usahawan memang impianku  
Ayah pernah berkata kepadaku  
Bila besar nanti jadi usahawan yang berjaya  
Boleh bantu ramai orang  
Banyak sedekah mampu kita buat bila kita ada kemampuan

Tanpa dirancang, kini dunia bergelut dengan pandemik covid 19  
Perniagaanku terganggu  
Pekerjaku tidaklah ramai  
Namun cukup untuk membantu kelangsungan kehidupan  
Tiga puluh buah keluarga

Kini, aku dan pekerja terpaksa mengharungi norma baharu kehidupan  
Setiap hari strategi melayani para pelanggan kami susun  
"Kak, jaga jarak, satu meter, satu meter"  
"Kak, wajib pakai pelitup muka"  
"Anak anak, jangan dibawa masuk ke kedai"  
Begitulah suara-suara pekerjaaku  
Kedengaran berulang kali mengingatkan pelanggan kami

Usahawan Covid 19, menjelma tanpa diduga  
Aku gagahkan juga demi kelangsungan keluarga besar yang disara  
Ramadhan pula menjelma,  
Cabaran untuk mengurus semua  
Urus keperluan pelanggan, pastikan produk barangan ada di rak-rak  
Namun kerap kali juga barang yang dipesan tidak mampu dihantar oleh pembekal  
Berikutan batas pergerakan yang telah dikenakan

Pesan ayah, buatku terus gagah  
Aku berjanji perniagaan ini akan diteruskan  
Aku berjanji ada derma, ada sedekah yang dititipkan  
Semoga keberkatan Tuhan bersama kami  
Semoga usahawan syurga yang didamba  
Bakal menjadi realiti di akhirat nanti

Covid 19  
Terus mengajar erti berbakti  
Banyak insan yang terputus bekalan dek hambatan kewangan  
Kini, peranan aku sebagai usahawan  
Harus membantu, dengan segala kemampuan  
Agar nilai kemanusiaan terus dijulung mulia  
Aku yakin ini perintah agama  
Buanglah sikap mementingkan diri sendiri, ini masa berfikir tentang semua.

K  
A  
R  
Y  
A  
  
K  
R  
E  
A  
T  
I  
F

## COVID-19, PERNIAGAAN DAN AKU

**Nukilan:**

**PROF MADYA DR HAJI S.SALAHUDIN HAJI SUYURNO**  
*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka*

Pandemik, Pandemik, Pandemik  
Lockdown, lockdown, lockdown  
PKP, PKP, PKP, PKP  
PKPB, PKPB, PKPB  
Menjadi tajuk bualan di seluruh pelosok negara

Aku merenung jauh kehadapan  
Apa nak jadi dengan perniagaan kecilku ini  
Perniagaanku terhenti, berpinar mataku  
Ini sumber rezeki keluargaku  
Ini sumber rezeki menampung keperluan isteri dan anak-anakku  
Ini sumber rezeki menampung keperluan ibuku yang sudah uzur

Aku peniaga kecil, yang untungnya bukanlah beribu  
Jauh sekali dari mendapat untung yang jumlahnya berjuta  
Sekadar cukup buat menampung perbelanjaan yang sederhana  
Aku berfikir sendirian lagi  
Apalah nasib, isteriku, anak-anakku, ibuku, dan aku sendiri  
Apakah Pandemik Covid 19 ini puncanya dari insan kerdil seperti aku  
Atau, angkara manusia durjana sang pencipta virus

Covid 19, perniagaan dan aku  
18 Mac 2020...  
Sejarah baru bermula di negaraku  
Norma baharu kehidupan tiba tiba datang  
Aku terpaksa merangkak belajar  
Cuba mengenal apa itu perniagaan atas talian  
Demi mengisi perut tanggunganku  
Aku gagahkan diri, norma baharu perniagaan  
Baru ku mengerti "Cash on delivery" COD

Pandemik ini  
Benar benar mengajar aku erti nikmat sihat  
Mengajar aku erti sebenar rahmah dalam perniagaan  
Erti sebenar hidup bermasyarakat dan keperluan hidup  
Ada gelombang bantuan kemanusiaan digerakkan  
Ada gelombang kesedaran penjarakan sosial dilaungkan

Aku terus berdoa pada Ilahi  
Ampunkan kami wahai Tuhan  
Kiranya wabak ini, sebagai peringatan  
Moga kami sedar dari kelekaan yang membuat kami alpa dan lupa

K  
A  
R  
Y  
A  
K  
R  
E  
A  
T  
I  
F



# PENULISAN AKADEMIK

## PENGURUSAN AKAUN DAN KEWANGAN MAMPU ATASI KESAN COVID-19

DR SHARIFAH NORHAFIZA SYED IBRAHIM  
Fakulti Perakaunan (FPN), UiTM Cawangan Melaka

Ekonomi Malaysia dijangka berdepan dengan cabaran luaran akibat COVID-19. Terdapat hampir sejuta perusahaan kecil dan sederhana di negara kita yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Aktiviti perniagaan mungkin mengambil masa untuk pulih. Walaupun kerajaan menyediakan pelbagai insentif seperti pakej rangsangan dengan jumlah keseluruhan RM260 bilion dan program Penjana, sesebuah perniagaan memerlukan pengurusan akaun dan kewangan yang telus dan lengkap bagi mendapatkan maklumat relevan seperti perbelanjaan operasi dan keperluan modal untuk mengemudi perniagaan menangani cabaran luaran seperti COVID-19 ini.

Sistem perakaunan yang lengkap dapat membantu pemilik perniagaan mengira untung atau rugi dengan tepat. Keuntungan adalah hala tuju setiap perniagaan. Ia diperolehi apabila hasil atau pendapatan mencukupi untuk membayar semua perbelanjaan perniagaan. Jika berniaga, sudah tentu kita ingin memperolehi keuntungan. Segala pengorbanan yang dilakukan dikira berbaloi sekiranya ia memberi pulangan atas modal yang kita laburkan dan dapat terus kekal beroperasi pada masa akan datang. Maklumat kewangan ini penting dalam merangka strategi seperti penetapan harga yang tepat, promosi dan pemasaran yang berkesan dan pengawalan perbelanjaan yang baik. Walaupun peniaga perlu cepat dan cekap mengambil peluang, pepatah '*jika gagal merancang, maka kita merancang untuk gagal*' kunci kejayaan sesebuah perniagaan. Pengurusan kewangan menjadi lebih mudah dan tepat jika akaun-akaun perniagaan lengkap dan sistematik. Belanja operasi boleh dianggar berdasarkan belanja operasi yang lepas. Maklumat kewangan penting seperti modal pusingan, akaun belum terima dan akaun belum bayar membantu peniaga mengenalpasti kedudukan kewangan perniagaan dengan lebih telus. Justeru, pengurusan kewangan yang baik memerlukan amalan perakaunan yang mantap seperti pengasingan akaun bank peribadi dan perniagaan, dokumen-dokumen transaksi yang lengkap dan disusun mengikut kategori dan perbelanjaan berhemah berpandukan bajet perniagaan.

Bagi perniagaan milikan tunggal, segala keuntungan perniagaan memberi pulangan kepada pemilik perniagaan. Namun, ini tidak bermakna pemilik perniagaan boleh menggunakan keuntungan tersebut tanpa sebarang perancangan. Sebahagian keuntungan perlu disimpan sebagai tabungan untuk masa hadapan. Kita tahu bahawa sesuatu perniagaan mempunyai risiko dan terdedah kepada perkara di luar kawalan seperti ancaman wabak COVID-19 ini. Banyak perniagaan seperti taska dan tadika, kedai jahit, kedai gunting rambut dan lain-lain yang tidak dibenarkan beroperasi bagi memutuskan rantaian COVID-19. Jika menjadi amalan pengusaha atau peniaga memastikan setiap kali mendapat keuntungan, sebahagian daripada keuntungan itu disimpan sebagai rezab kewangan yang sangat berguna untuk mengapung perniagaan yang terjejas akibat COVID-19. Walaupun tiada hasil atau pendapatan sepanjang tempoh ia ditutup, dengan rezab keuntungan yang ada, peniaga masih mempunyai dana untuk melunaskan perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan dan modal yang diperlukan. Selain modal pusingan, rezab keuntungan sangat penting untuk memastikan sesuatu perniagaan itu mampu kekal walaupun terpaksa ditutup sementara seperti yang berlaku dalam tempoh kawalan pergerakan ini.

Kemampuan perniagaan merupakan satu isu jangka masa panjang. Perniagaan yang mampan mampu beroperasi dengan baik dari satu generasi ke satu generasi. Beberapa sektor tertentu mungkin terpaksa ditutup kerana tiada permintaan dan tidak dapat menjana permintaan baru. Contohnya, G City Club Hotel Sdn Bhd mengambil keputusan menutup operasi setelah 10 tahun berada di sektor perhotelan Malaysia. Penurunan kadar penginapan dan jangkaan ekonomi global yang terkesan akibat COVID-19 memaksa pihak pengurusan menutup operasi hotel. Keputusan ini tidak dapat dielakkan kerana rizab atau keuntungan terkumpul lama kelamaan akan habis untuk membayar kos-kos overhead dan mengakibatkan pemegang saham kehilangan pelaburan mereka sekiranya hotel tidak segera ditutup.

Tidak dapat dinafikan perniagaan perlu bergerak seiring dengan permintaan semasa. Akibat COVID-19, lebih ramai pembeli memilih untuk membeli secara dalam talian. Pembeli dan penerima barang tidak semestinya berada di lokasi yang sama. Seorang anak yang bekerja di bandar boleh menempah juadah berbuka puasa atau barang keperluan untuk ibu bapa mereka di kampung melalui Bazaar Ramadhan dan kedai atas talian. Perkara ini menjadi suatu kebiasaan baharu sekarang. Justeru itu, COVID-19 juga membuka peluang kepada para usahawan untuk melebarkan pasaran. Pengurusan akaun dan kewangan yang baik dapat memastikan peniaga mempunyai dana termasuk keuntungan

terkumpul yang membantu peniaga untuk kekal dalam dunia perniagaan walaupun terjejas akibat penularan COVID-19.

### Rujukan

COVID-19: Ekonomi Malaysia dijangka berdepan cabaran luar – Penganalisis. (2020, April 13). Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/covid-19-ekonomi-malaysia-dijangka-berdepan-cabaran-luar-penganalisis-238064>.

G City Club Hotel tutup operasi selepas 10 tahun. (2020, April 29). Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/g-city-club-hotel-tutup-operasi-selepas-10-tahun-240809>

Mahanum Abdul Aziz (2020, Jun 13). COVID-19: Cabaran utama tingkat perbelanjaan pengguna, pastikan syarikat beroperasi – penganalisis. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/676540/covid-19-cabaran-utama-tingkat-perbelanjaan-pengguna-pastikan>

Jabatan Perangkaan Malaysia (2016). Statistik PKS. Banci Ekonomi. Retrieved from <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2015-12-21-09-09-49/statistik-pks>

## UNEMPLOYMENT AND THE NEXUS OF DEMAND IN THE FIELD OF PROOFREADING AND EDITING DUE TO THE IMPACT OF COVID 19

JEAN HOO @ NUR SYAIFA HOO ABDULLAH  
*Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Melaka*

MOHD AMIN MOHD NOH  
*Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

During the implementation of Movement Control Order, many businesses were not allowed to operate and big companies have ceased their business too. This has resulted in unemployment and Malaysia's unemployment rate is expected to shoot up to 4% this year, from 3.3% in 2019, as predicted by Bank Negara Malaysia (BNM).

However, amidst all these, we could see a consistent job demand required in the field of proofreading and editing. Since many existing or new online businesses, digital news release, learning institutions, health care, and a variety of social media accounts (personal or political purposes) practice work from home, we could see a vast increase of materials prepared and uploaded using various platforms to be distributed to a large number of people within the community.

These materials must be proofread and edited so that information distributed would not cause chaos in the community. As cited in The Star (2020), "**Freedom of expression and 'fake news' during Covid-19**", many countries, including Malaysia, are facing the challenge of dealing with the spread of disinformation, or "fake news", online. These circumstances emphasised the needs of proofreading and editing for circulated information to the public. Words choice in any form of languages must be appropriate and viable within the context used. According to Daniel Green (2020), in "**How to report on the coronavirus pandemic, whatever your beat**," in order to prevent mistakes in coverage, reporters are to be proactive in learning the basics about the virus and suggested that health and science correspondents in newsrooms create teams and take more of a role in editing and proofreading content.

Besides that, Laura Begley Bloom as a Senior Contributor of Forbes Women (2020) in the article "**Coronavirus Career Advice: 27 Best Work From Home And Remote Jobs**" stated that more and more workers seeking out flexible arrangements that allow them to work from home or travel the globe. As coronavirus spreads, companies are increasingly asking employees to work from home. A third of Americans say they or an immediate family member have been laid off or lost their job as a result of the pandemic. With the

coronavirus pandemic continues to spread rapidly, jolting global economic growth, this is an ideal time to review the variety of jobs that can be done from home or remotely. Based on statistics provided by Flexjobs, a demand for proofreading and editing is required in various fields as given in Table 1.

**Table 1: Job listing and Description of Proofreading and Editing Job.**

<b>ONLINE BUSINESS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Copy Editor</li> <li>• Business Copy Editor</li> <li>• Digital Editor</li> </ul>
<b>DIGITAL NEWS RELEASE</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Editorial Assistant</li> <li>• Copy editor - Writer - Proofreader</li> <li>• Digital Content Editor</li> </ul>
<b>LEARNING INSTITUTIONS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Math Copy Editor</li> <li>• Editor - Animal Sciences</li> <li>• Proofreading and Editing for academic papers</li> </ul>
<b>HEALTH CARE</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Editor - Cardiology</li> <li>• Editor - Obstetrics and Gynaecology</li> <li>• Editor - Dermatology and Plastic Surgery</li> <li>• Editor - Reproductive Medicine, Sexual Health,</li> <li>• Internal Medicine, Dentistry, Veterinary Science, Ophthalmology</li> </ul>
<b>VARIETY SOCIAL MEDIA ACCOUNTS - PERSONAL OR POLITICAL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Content Manager</li> <li>• Staff Editor</li> <li>• Ghostwriter</li> <li>• Community Editor</li> <li>• Content Writer, Blog Writer</li> </ul>
<b>OTHERS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Technical Writer, Editor</li> <li>• Personal Finance Content Update Editor</li> <li>• Script Analyst</li> <li>• Transcreators</li> </ul>

Source: <https://www.flexjobs.com/jobs/online-proofreading?page=6>

Nevertheless, to be a good and qualified proofreader and editor, basic requirements are needed. Online business requires a proofreader cum editor to copy edit videos and posts for grammar, spelling, and punctuation consistency, assist on occasion with fact-checkers, and engage with other editors and writers. Other than that, identifying and resolving on-going issues related to proofreading and editing, editing copy, meeting deadlines, and making recommendations with experience using HTML, APA Style and WordPress are part of the job scope as a proofreader and editor. Strong writing ability as well as familiarity with A/B testing and general design skills to be able to proofread content, generate headlines, make edits and recommendations are highly recommended to have too.

Digital news release requires the ability to provide support to the editor-in-chief by contributing to the network and content platform, as well as help manage and support the brand. Thus, a proofreader and editor must have strong proofreading skills to look over a large amount of materials including articles, advertisements and web content.

Learning institutions need a proofreader and editor who could review content, identify and resolve issues, perform proofreading tasks, ensure style guide compliance, and edit manuscripts; so that the final text is in standard English, adhere to specific guidelines, format manuscripts, understand requirements and able to meet deadlines; whereas for health care, a proofreader and editor is in charge of reviewing and revising medical manuscripts..

Meanwhile, coordinating and managing calendars, reviewing and proofreading content, making changes and recommendations, managing execution of the ghost-writing process and liaise with team, and providing expertise are the tasks needed to be done by a proofreader and editor who works for social media accounts.

In conclusion, we could see that with the current situation of pandemic, proofreading and editing is still in demand in the fields mentioned in table 1. Proofreading and editing could be done remotely and from home. In terms of employment, if there is a demand from various fields, be it printed or digital, this job is still deemed to be stable and income-generating. Moreover, this job has been proven to be continuously in demand should it be for pandemic or non-pandemic situation without contributing to the statistics of unemployment.

Thus, proofreading and editing skills proves its sustainability and it should be promoted at higher learning institutions as a course to produce more graduates in this area of expertise. It is believed that this area of expertise could provide service to social and scientific communities locally or globally.

## References

- Becker, E., & Green, D. (2020, April 11). Benefits Guidance in the Time of COVID-19: RIFs, Furloughs, Layoffs, and Leaves of Absence. Retrieved June 16, 2020, from <https://www.jdsupra.com/legalnews/benefits-guidance-in-the-time-of-covid-86504/>
- Berman, R. (2020, May 5). COVID-19: Study highlights sources of misinformation. Retrieved June 16, 2020, from <https://www.medicalnewstoday.com/articles/covid-19-study-highlights-sources-of-misinformation>
- Find Proofreading Jobs - Remote Work from Home & Flexible Jobs (Page 6). (2020, March 3). Retrieved June 16, 2020, from <https://www.flexjobs.com/jobs/online-proofreading?page=6>

Paulsen, E. (2020, April 26). Comment: Freedom of expression and 'fake news' during Covid-19. Retrieved June 16, 2020, from <https://www.thestar.com.my/news/focus/2020/04/26/freedom-of-expression-and-fake-news-during-covid-19>

## HIKMAH ATAS UJIAN COVID-19

**KHAIRUNNISA' YUSSOF**

*Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka*

Negara digemparkan dengan penularan wabak baharu yang dikenali dengan nama Corona Virus Diseases 2019 (COVID-19). Wabak ini mudah dijangkiti dan memberi kesan kepada kesihatan sehingga membawa kepada kematian. Jika wabak ini tidak dibendung, akan berlaku penularan yang dahsyat dalam kalangan masyarakat. Bagi menyekat penularan wabak ini, kerajaan Malaysia mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk semua rakyat Malaysia meliputi semua sektor pekerjaan kecuali bagi barisan hadapan '*frontliner*' (hospital, tentera, polis) dan sektor- sektor berkeperluan tinggi. Akibat daripada arahan PKP ini, keadaan penularan wabak dapat dibendung dan jumlah pesakit positif COVID-19 dilaporkan semakin menurun.

Walau bagaimanapun, ekonomi negara tampak terjejas dan memerlukan masa untuk pulih. Impak daripada penutupan sektor-sektor penting negara, berlakunya kehilangan punca pendapatan, kehendak kepada pasaran berkurangan rentetan kewangan yang terhad dan kemelesetan ekonomi. Banyak perniagaan terjejas sekali gus mengkehendaki perniagaan ditutup kerana tidak mampu menanggung kerugian yang besar. Kerajaan Malaysia mengambil langkah pemulihan ekonomi, iaitu memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sempena penularan COVID-19 untuk membantu rakyat sekali gus memulihkan kitaran ekonomi sedia ada. Antara pakej rangsangan tersebut ialah Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Pengecualian Moratorium Bank dan Geran Khas Prihatin. Justeru, di sebalik kelembapan sektor ekonomi dan kewangan yang terhad akibat tiada pendapatan, masih ada cabang perniagaan yang meraih permintaan yang tinggi.

Antaranya, perniagaan minuman dan makanan dalam kalangan peniaga kecil. Perniagaan berasaskan makanan dan minuman ini mendapat sambutan yang mana ia memberi keuntungan luar biasa rentetan PKP yang dilaksanakan. Tidak hanya kepada pengusaha makanan dan minuman tetapi perkhidmatan penghantaran barangan (*runner*) juga mendapat sambutan kerana terdapat segelintir rakyat yang memerlukan barang yang

dipesan sampai dengan cepat. Selain itu, perniagaan dalam talian juga meraih permintaan tinggi. Kita dapat lihat, media saban hari melaporkan lambakan bungkusan pesanan dalam talian yang menyebabkan penghantaran yang sepatutnya memakan masa sehari sehingga berminggu lamanya. Perkhidmatan sedemikian memudahkan masyarakat tempatan yang sukar untuk mendapatkan barang yang diperlukan, membuat pesanan belian dalam talian. Setiap perniagaan memerlukan masa yang lama untuk pulih dengan perancangan yang strategik. Justeru, pengajaran COVID-19 untuk para usahawan adalah sentiasa bersangka baik, positif dan yakin akan setiap ujian yang ALLAH turunkan pasti ada solusinya.

## 5 IKON USAHAWAN BUMIPUTERA BERJAYA

### MOHAMAD IDHAM HJ. MD RAZAK

*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka*

Schumpeter (1942) menggambarkan bahawa seorang usahawan adalah merupakan "individu yang sanggup dan mampu untuk menukar idea baru atau ciptaan ke dalam inovasi yang berjaya." Menjadi usahawan dan ikon terkemuka di pelbagai bidang menjadi inspirasi dan idola setiap daripada kita. Berikut ialah 5 ikon usahawan bumiputera yang berjaya dan boleh dijadikan inspirasi:

#### 1. Dato' Rizalman Ibrahim

Dikenali dengan jolokan '*Royalty of Malaysia's Fashion*', nama Rizalman Ibrahim menjadi bualan dan dambaan dalam kalangan pencinta fesyen. Berasal dari Pulau Pinang, nama beliau terus terpahat gah apabila telah menyediakan persalinan bersempena Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandar Al-Haj di Istana Negara. Tahu akan kehendak dan cita rasa masyarakat yang inginkan kelainan dalam berfesyen, kerjasama beliau bersama Zalora dan Sometime by Asian Designers terus mendapat sambutan hangat dan menjadi fenomena di seluruh negara. Sering berkongsi resepi masakan tradisional dalam rancangan Pung Pang Rizalman di Astro Ria dan juga tips kehidupan di laman Instagram beliau, beliau tidak lokek berkongsi ilmu dan pelbagai petua yang berguna. Beliau turut melancarkan makanan kesihatan berasaskan tomato yang dikenali dengan nama T'Neeq. Inisiatif ini diambil oleh beliau agar dapat memperkasakan penjana pendapatan terutamanya bagi golongan B40. Dato' Rizalman juga pemilik kepada Glam Casa, Glam Reka, Glam Weddings dan The RI Maison by



Rizalman menjadi pilihan golongan atasan dan kenamaan untuk melakukan transformasi baik dari segi kediaman mahupun hiasan dalaman. Sentuhan magis beliau tidak terhenti setakat itu sahaja. Beliau sendiri telah melakukan transformasi yang menakjubkan dengan menukarkan kediaman asal beliau menjadi singgahsana yang memukau semua.

## **2. Profesor Adjung Chef Dato' (Dr.) Redzuawan Ismail**

Lebih dikenali sebagai Chef Wan, beliau merupakan selebriti chef terkenal tanah air merangkap hos rancangan masakan, penulis, dan pengacara yang digemari di semua peringkat lapisan masyarakat. Celoteh beliau sering menjadi perhatian apabila beliau sering ke udara mengisi rancangan masakan khas seperti Raja Sawit dan Air Tangan Ibu Bersama Chef Wan. Beliau juga sudah terlibat dalam rancangan masakan televisyen antarabangsa seperti *A Taste of Australia with Chef Wan* (Australian ABC Network), *Flavours of Asia* (Prime 12, Singapore), *Market Kitchen* (UK Food Network), *Flavours of the World* (TV4, Sweden) dan *Chef Wan and Gino's Specials* (Orge TV, Norway). Pada tahun 2009, beliau dianugerahkan Chef Selebriti Televisyen Terbaik di Anugerah Buku Masakan Dunia Gourmand di Perancis. Beliau merupakan seorang akauntan bertauliah. Lantaran minat yang mendalam dalam bidang kulinari, beliau meninggalkan profesion tersebut dan melanjutkan pengajian bagi memperolehi ijazah dalam Latihan Profesional Chef dan Pengurusan Hotel dari California Culinary Academy di San Francisco, Amerika Syarikat. Selain daripada ijazah yang diperoleh, beliau turut memiliki diploma dari Hotel Ritz, Paris. Beliau juga bukan kaleng-kaleng apabila turut memasak untuk personaliti terkenal seperti Sultan Brunei dan bekas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton. Dari aspek hartanah, beliau memiliki kediaman 3 tingkat di Aspen Garden Residence, Cyberjaya lengkap dengan kemudahan lif yang sering mencetuskan inspirasi. Gaya hiasan dalaman di kediaman tersebut bercita rasa Inggeris dan cukup mewah. Keseluruhan aset beliau bernilai hampir RM10 juta. Menerusi kemas kini beliau di laman Instagram peribadi beliau, kebanyakan masa beliau diluangkan dengan menghiburkan ibu beliau dengan pelbagai telatah.

## **3. Noor Neelofa Mohd Noor**

Pemenang Dewi Remaja bagi sesi 2010/2011 terus menempa nama di arena seni tanah air apabila baru sahaja merangkul Anugerah Influencer 2019 (IAM 2019) dalam kategori Usahawan di Monaco. Pemilik Naelofar Hijab ini telah menghadiri jemputan sebagai VIP di Paris Fashion Week untuk jenama mewah seperti Dior, Miu Miu dan Max Mara. Berpeluang mendapat pengayaan peribadi dan menemu bual pereka tersohor seperti Tommy Hilfiger dan Michael Kors di Paris Fashion Week serta menjalinkan kerjasama dengan pereka kasut

tersohor, Giuseppe Zanotti bagi edisi khas, terus membuka mata masyarakat Malaysia. Merangkul Anugerah Forbes 30 under 30 Asia pada tahun 2017 dan Pemenang Anugerah Bintang Popular Berita Harian ABPBH 2014 untuk kategori Pengacara Televisyen Wanita Popular telah membuktikan bahawa label '*Beauty With Brains*' begitu kena dengan beliau. Beliau memporeleh 5A (UPSR), 8A (PMR), 10A (SPM), A Level (Kolej Damansara Utama) dan Bachelor of Business in International Trade & Marketing (Sunway University College, Petaling Jaya). Di samping itu, beliau juga merupakan ikon dan model iklan Amanah Hartanah Bumiputra (AHB) dan turut dilantik sebagai duta projek hartanah Duta Villa milik Putrajaya Homes.

#### **4. Saiful Nang**

Buku Saiful Nang: Kisah Orang Menang yang diterbitkan pada tahun 2015 telah mendedahkan rahsia kejayaan beliau yang merupakan antara jurufoto profesional yang disegani di Malaysia. Antara selebriti tempatan yang pernah menggunakan khidmat profesional beliau ialah pasangan selebriti Awal dan Scha Alyahya dan angkasawan negara Malaysia, Datuk Dr. Syekh Muszaphar. Beliau memiliki pelbagai akademi dan organisasi beliau tersendiri, iaitu Saiful Nang Akademi Sdn Bhd, Pertubuhan Kebajikan Rumah Pengasih Warga Prihatin, Sekolah Menengah dan Rendah Akademi Insan Prihatin dan OMG Creative Sdn Bhd. Rentetan dari kejayaan yang dikecapi, beliau banyak menerima anugerah dan pengiktirafan, iaitu pemenang Canon Photomathon pada tahun 2007, penerima sijil Professional Photographer Apprentice Certificate (PPAC), juga dilantik sebagai jurufoto diraja untuk Sultan Brunei Darussalam dan diiktiraf sebagai 20 orang paling berjaya usahawan kreatif dari Dewan Ekonomi Malaysia pada tahun 2009. Pada masa kini, beliau banyak berkongsi ilmu fotografi melalui bengkel-bengkel yang dianjurkan dan menulis mengenai isu-isu semasa di blog dan FB rasmi beliau. Setiap kemas kini beliau di media sosial diselitkan ilmu berkaitan pelaburan hartanah untuk dikongsi bersama masyarakat seperti bagaimana kita mampu mengumpul aset bernilai RM2 juta sebelum berusia 40 tahun. Beliau yang terkenal dengan jolokan jutawan fotografi terus mengukir nama di persada kreatif tempatan.

#### **5. Dato' Wan Mohammad Sani Salleh**

Meninggalkan kehidupan glamor dan bertukar profesion bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, Dato' Wan Mohamad Sani Salleh nekad meninggalkan dunia seni tanah air dan telah mengambil risiko yang berbaloi, iaitu menceburi bidang perkhidmatan bas ekspres. Merupakan bekas anggota kumpulan Impression bersama Norman Hakim dan Eizlan

Yusoff pada lewat 90-an, di kala rakan seangkatan masih lagi aktif dalam dunia seni, beliau kini ialah Pengarah Urusan SANI United Sdn Bhd (SUSB) dan merupakan antara usahawan merangkap artis yang paling berjaya dalam bidang perniagaan. Dato' Sani dianugerahkan Darjah Dato' Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2009. Pada tahun 2003, Dato' Sani menubuhkan SUSB dengan dua lagi rakan kongsi yang menarik diri tak lama kemudian. Hal ini menyebabkan Dato' Sani terpaksa mengambil risiko dengan hanya seorang pekerja dan tahun 2006 menyaksikan SANI Express berada di jalan raya dengan 6 buah bas. Kini, setelah hampir 16 tahun berlalu, SUSB memiliki lebih 150 pekerja dan mempunyai bangunan 3 tingkat sendiri, iaitu Wisma Dato' Sani yang terletak di Klang Sentral bersama rakan karibnya, Pengarah Urusan Federal Malay Holding Sdn Bhd, Datuk Sharifuddin Musa. Kos ubah suai bangunan tersebut menelan belanja hampir RM7 juta. Seiring dengan kerancangan pembangunan hartanah negara, beliau turut menubuhkan Sani Properties Sdn. Bhd. Antara kejayaan Dato' Sani dalam projek hartanah ialah apabila beliau mampu memiliki hotel 10 tingkat yang beroperasi di Jalan Putra, Kuala Lumpur dan berdekatan dengan PWTC. Pada tahun 2016, Sani Express Sdn Bhd menerima anugerah 5 bintang untuk Sijil Safety Star Grading dari Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Beliau telah membuktikan tiada apa yang mustahil untuk terus berjaya. Berani mengambil risiko dan gagal sekali bukan beerti gagal selamanya membuktikan bahawa usahawan bumiputera seperti beliau boleh terus bersaing secara kompetitif dengan jenama bas ekspres sedia ada.

Kelima-lima tokoh tersebut membuktikan bahawa usaha tangga kejayaan dan kita mestilah belajar daripada kesilapan. Demi mengecapi impian dan kejayaan, setiap daripada mereka sentiasa mengetepikan cemuhan, stigma negatif dan hanya fokus pada perkara yang positif. Tanamkan semangat yang jitu untuk mencontohi mereka. Setiap impian pasti menjadi kenyataan.

### **Rujukan**

Schumpeter, J.A. (1942). *Capitalism, Socialism and Democracy*, 3rd edition, London: George Allen and Unwin, 1976

## LOGO HALAL JAKIM DAN COVID-19

MIMI SOFIAH AHMAD MUSTAFA & YUHANZA OTHMAN

*Jabatan Undang-Undang (JUJ), UiTM Cawangan Melaka*

Umum sedia maklum bahawa wabak Covid-19 yang sedang melanda dunia sekarang ini berpunca daripada isu kebersihan sejagat. Ada yang menyatakan wabak ini berpunca daripada aktiviti individu yang mengganggu makhluk yang diamnya di dalam gua yang diburu dan dijual sebagai makanan eksotik kepada para pembeli demi mengaut keuntungan atas nama kebebasan asasi untuk mencari rezeki. Namun, fakta ini tidak dapat dipastikan kesahihannya. Hakikatnya semua pihak adalah bertanggungjawab dalam hal ini kerana ia berpunca daripada sikap acuh tak acuh manusia tentang isu kebersihan termasuklah yang berkaitan dengan pemakanan. Jika manusia umumnya sudah mengetahui apa yang baik dan elok untuk dijadikan makanan, soal keuntungan yang dikaut secara rakus akan segera dinafikan daripada perspektif budaya dan adat resam perniagaan yang diterima di alam semesta ini.

Untuk para usahawan, pandemik yang melanda hari ini sepatutnya menjadi peringatan kepada mereka kepada sijil halal yang dikeluarkan JAKIM untuk semua produk yang boleh dibeli oleh orang Islam. Hal ini adalah kerana proses mendapatkan sijil berkenaan mensyaratkan beberapa perkara asas dalam pembikinan produk yang mereka usahakan terutamanya makanan. Logo halal yang dilabelkan pada produk yang mereka pasarkan menjadi peringatan supaya para usahawan tetap menjaga kualiti produk yang dikeluarkan seperti mana mula-mula ia diluluskan oleh pihak JAKIM.

Artikel ini mengimbas kembali mengenai tujuan sijil halal itu dikeluarkan untuk melindungi hak dan kepentingan orang Islam di negara ini. Sudah pasti ianya ada kaitan terus dengan status kebersihan dan kesucian produk yang akan diguna oleh orang Islam. Ia penting untuk diambil kira dalam situasi pandemik Covid-19 masa kini kerana virus ini muncul disebabkan kebersihan telah dipertaruhkan.

Logo halal JAKIM sangat sinonim dengan orang Islam. Ia akan dirujuk dan menjadi syarat utama pembelian semasa aktiviti membeli-belah, bukan sahaja untuk produk makanan, tetapi juga untuk produk lain seperti produk kecantikan, ubat-ubatan dan barangan kegunaan consumer (Zalina & Zubaidah, 2014). Mungkin bukan semua orang Islam akan menjadikan logo halal sebagai syarat utama pembelian, namun beberapa kajian yang dijalankan di negara ini dan juga negara luar menunjukkan bahawa terdapat kepekaan yang tinggi dalam kalangan pengguna Islam untuk merujuk logo berkenaan sebelum

membeli. Apa yang lebih menarik ialah bukan sahaja produk tempatan yang mempunyai logo tersebut, pembelian barangan dari luar negara (yang diimport) juga akan menyebabkan pengguna merasa bertanggungjawab untuk memastikan logo halal wujud walaupun ia disahkan oleh pihak yang berkenaan dari negara luar itu. Dapatan ini sangat melegakan kerana secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa para pengguna sangat memberi fokus terhadap tahap kesucian satu-satu produk yang dibeli terutamanya produk makanan kerana tahu akan tanggungjawab mereka di sisi agama.

Pengeluaran sijil halal JAKIM di Malaysia adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah **Akta Perihal Dagangan 2011** di mana akta tersebut diluluskan oleh Parlimen. Antara tujuan akta tersebut diluluskan adalah untuk *menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan*. Daripada peruntukan akta tersebut, terdapat beberapa peraturan spesifik mengenai sijil halal yang dibuat di bawahnya, iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan juga Perintah Perihal Dagangan (Pensijilan dan Penandaan Halal) 2011 (selepas ini dirujuk sebagai "Perintah"). Di bawah kedua-dua peraturan ini, mana-mana pihak yang menjadi pengeluar produk-produk yang diguna oleh orang Islam mesti mendapatkan sijil halal daripada pihak JAKIM.

Artikel ini memberi fokus kepada produk makanan yang dikeluarkan oleh para usahawan dan keutamaan mendapatkan sijil halal kerana isu makanan ini berkait rapat dengan isu kebersihan yang menjadi pencetus kepada penularan COVID-19 ini. Mengikut **para. 2 Perintah 2011**, produk makanan yang dikeluarkan itu akan dianggap halal jika ia disediakan menurut hukum syarak, iaitu menurut undang-undang Islam mengikut Mazhab Syafii (atau mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali) yang dipersetujui oleh Yang Dipertuan Agung untuk dikuatkuasakan di mana-mana tempat di Malaysia ini.

Adalah penting untuk para usahawan faham bahawa makanan yang dimaksudkan di bawah **Perintah 2011** ini adalah yang dikilangkan, dijual atau digambarkan, akan diguna sebagai makanan atau minuman yang sesuai untuk umat manusia. Perkara ini termasuklah segala proses penyediaan makanan seperti pembungkusan, pengawetan, pemotongan atau proses salai. Juga perlu diambil kira segala perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan berkenaan seperti pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan bahan mentah termasuklah penyajian dan juga peruncitannya sekali. Sebagai contoh, sekiranya Makcik Peah ialah usahawan kerepek ubi sambal, beliau perlu memastikan semua proses bermula daripada menuai ubi sehinggalah ke proses pengangkutan kerepek itu ke destinasi penjual mestilah mengikut hukum syarak. Penjual kerepek itu juga perlu memastikan beliau

menyimpan dan meletakkan kerepek itu di tempat yang bersesuaian sebelum ia sampai ke tangan pengguna. Sekiranya penjual didapati meletakkan kerepek ubi tersebut bersama-sama atau berhampiran makanan yang tidak halal, hal ini melanggar syarat di bawah Perintah ini. Sebagai tambahan, segala peralatan untuk menyediakan makanan itu juga perlu mematuhi hukum syarak. Contohnya, jika pisau yang digunakan untuk memproses daging khinzir digunakan untuk menyangkan ikan atau daging ayam yang dilabel sebagai halal, ia telah secara terang-terangan bertentangan dengan **para. 3(f) dan 3(g) Perintah 2011**. Begitulah juga dengan kualiti, periuk, senduk, sudu, dapur, oven dan pelbagai peralatan lain yang digunakan untuk memproses produk makanan itu.

Para usahawan juga perlu peka dengan apa yang diperihalkan atau diungkapkan sebagai halal itu adalah makanan yang boleh dimakan oleh orang Islam. Secara umumnya, ia mestilah tidak mengandungi komposisi terlarang mengikut hukum syarak seperti daging khinzir, najis, alkohol, bahagian tubuh manusia, racun dan sebagainya (**para 3**). Haiwan juga perlu disembelih mengikut hukum syarak seperti menggunakan pisau yang tajam dan memastikan urat merah haiwan tersebut putus semasa proses sembelihan. Jika tidak, ia tidak dianggap sebagai halal.

Konsep halal bukan sahaja melibatkan bahan atau barang yang digunakan, penyediaan, pemprosesan dan pembungkusan yang mengikut hukum syarak, ia juga berkait rapat dengan konsep toyyiban. Pihak yang bertanggungjawab dalam hal mengeluarkan sijil halal menitikberatkan soal kebersihan premis dan keadaan bahan yang elok dan berkualiti. Pihak JAKIM mempunyai kuasa penuh untuk menarik semula sijil halal yang diberikan kepada pengusaha yang melanggar konsep halalan toyyiban. Contohnya pada tahun 2014, pihak JAKIM menggantung sijil halal dua produk Cadbury yang dicemari dengan bahan yang dinamakan sebagai “porcine pig DNA” (Bernama, 2014). Begitu juga yang berlaku pada tahun 2015, pihak JAKIM menarik balik sijil halal Secret Recipe kerana masalah kebersihan dapur utamanya yang sedang dalam proses baik pulih (Kohilah Sekaran, 2015).

Perlu diingatkan, sekiranya pengusaha gagal mematuhi semua syarat yang ditetapkan, sijil halal bukan sahaja akan digantung dan ditarik balik oleh pihak JAKIM, malah segala ketidakpatuhan akan mengakibatkan para usahawan didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Jika usahawan tersebut mempunyai sebuah syarikat, dendanya adalah tidak melebihi RM5 juta serta tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya (**para.5 Perintah 2011**). Hal ini menunjukkan betapa seriusnya pihak kerajaan dalam menangani isu halal di negara kita.

Sebagai kesimpulan, salah satu sebab wabak covid-19 wujud berkemungkinan adalah untuk kita lihat kembali kepada proses penyediaan makanan kita. Jika makanan yang kita suapkan ke mulut kita itu tidak mengikut hukum syarak, berkemungkinan ia akan mencetuskan penularan virus covid-19. Sijil halal yang diwajibkan oleh pihak JAKIM adalah demi kebaikan dan kemaslahatan semua kerana ia akan memastikan bahawa produk makanan yang sampai ke tangan pengguna itu bersih dan suci seperti yang disyariatkan oleh Islam. Maka, sukacita diingatkan lagi, pastikan produk keluaran anda mempunyai sijil halal JAKIM kerana ia bukan sahaja menguntungkan para usahawan malah konsumen amnya.

### Rujukan

Akta Perihal Dagangan 2011

Sekaran, K. (2015, 26 Mei). Jakim Tarik Balik Sijil Halal Secret Recipe. Astro Awani. Retrieved from <https://www.mywilayah.com/2019/12/penjelasan-isu-status-halal-secret.html>

Zakaria, Z. & Ismail, S.Z. (2014). *The Trade Description Act 2011: Regulating "Halal" in Malaysia*, International Conference on Law, Management and Humanities (ICLMH'14) June 21-22, 2014 Bangkok (Thailand). Retrieved from [https://issuu.com/hospitalitytravellaw/docs/halal\\_article](https://issuu.com/hospitalitytravellaw/docs/halal_article).

Bernamea, (2014, 24 Mei). DNA babi dikesan dalam dua jenis coklat susu Cadbury Dairy Milk. Astro Awani. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dna-babi-dikesan-dalam-dua-jenis-coklat-susu-cadbury-dairy-milk-36449>

## **URUS NIAGA SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP): STRATEGI KE ARAH KELESTARIAN PERNIAGAAN**

**Sulaiman Mahzan<sup>1</sup>, Siti Fairuz Nurr Sadikan<sup>2</sup>, Mohd Ab Malek Md Shah<sup>1</sup>, Mohd Harun Shahudin<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>UiTM Cawangan Melaka, <sup>2</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, <sup>3</sup>UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Email: [sulaiman@uitm.edu.my](mailto:sulaiman@uitm.edu.my)

Dunia sekali lagi digemparkan dengan pandemik yang menyerang manusia tanpa mengira batasan ideologi politik, pegangan agama mahupun sempadan negara. Virus Corona atau lebih dikenali sebagai Covid-19 yang dikesan mula menular dari wilayah Wuhan, China telah merebak dengan pantas hampir ke seluruh negara di dunia (World Health

Oranization, nd). Hakikatnya, pandemik ini dipercayai mampu mendatangkan kesan yang lebih teruk kepada dunia sejagat jika dibandingkan dengan pandemik yang hampir serupa seperti MERS-Cov dan SARS. Setakat hari ini, tiada sebarang vaksin atau penawar yang ditemui untuk merawat jangkitan virus ini (myMetro, 2020). Sebagai langkah awal, negara-negara yang terjejas teruk dengan bilangan kes kematian yang tinggi seperti Amerika Syarikat, China, Britain, Itali dan Iran telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan sama ada ke atas negeri-negeri terpilih mahupun seluruh negara. Ia turut diikuti oleh negara-negara lain termasuklah Malaysia yang turut menguatkuasakan perintah yang serupa dalam usaha mengekang penyakit ini daripada terus menular.

Hampir semua tajuk berita utama oleh media arus perdana memberikan isyarat yang cukup mencemaskan kepada dunia berkaitan pandemik ini. Memetik kenyataan pakar-pakar ekonomi dunia mendakwa bahawa pandemik ini bakal memberikan impak yang amat dahsyat seterusnya akan menyebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia yang hampir serupa dengan Great Depression 1922 (AFP, 2020). Kenyataan sebegini adalah selari berdasarkan dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disifatkan sebagai satu langkah yang tidak mesra ekonomi. Hal ini kerana kebanyakan urusan niaga yang selama ini dilaksanakan secara fizikal atau bersemuka turut mengalami kekangan yang tidak dapat dielakkan. Hal ini seterusnya memberikan kesan yang sangat signifikan terhadap dunia perniagaan kerana kini pelanggan dihalang untuk keluar dari rumah masing-masing untuk mengunjungi premis perniagaan kecuali perniagaan di pasar mendapat pengecualian oleh pihak berkuasa. Situasi ini meningkatkan tekanan dan cabaran kepada pengusaha ataupun usahawan bagi jenis perniagaan yang terpaksa menutup perniagaan mereka buat sementara waktu akibat daripada serangan pandemik ini atas faktor kesihatan dan keselamatan pengguna secara keseluruhan.

Namun, dengan kecanggihan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi malah disokong oleh kemampuan majoriti rakyat Malaysia memiliki peranti telekomunikasi; sesungguhnya ia telah membuka ruang alternatif yang sebenarnya telah lama dipraktikkan dalam dunia perniagaan, iaitu urusan niaga secara dalam talian (*online*). Menurut dimensi ini, walaupun terdapat kekangan di pihak pelanggan, iaitu atas faktor ruang dan jarak, aplikasi teknologi ini mampu menjadi jambatan dua hala di antara peniaga dengan pelanggan untuk terus memastikan agar kelangsungan urusan niaga dapat terus diperkasakan. Urusan niaga menerusi kaedah ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana-mana jua kerana kemampuan teknologi untuk mewujudkan suatu persekitaran yang sangat mesra pelanggan dalam melancarkan proses urusan niaga sesama mereka. Oleh yang demikian, pelanggan tidak perlu lagi bersusah payah untuk mengunjungi premis perniagaan, sebaliknya sekadar



melawat lembaran elektronik yang diubah suai menerusi kaedah capaian di hujung jari oleh para peniaga demi keselesaan dan kemudahan pelanggan. Lembaran elektronik ini sememangnya banyak disediakan oleh para pengendali platform komunikasi alam maya secara dalam talian seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya yang bukan sekadar untuk berkongsi rasa tetapi mampu dikuasai sepenuhnya untuk tujuan perniagaan. Selain itu, terdapat pelbagai capaian maklumat yang disediakan oleh penyedia atau pembangun aplikasi yang mudah dipelajari dan disesuaikan mengikut cita rasa peniaga mahupun pelanggan atas tujuan yang cukup signifikan, iaitu demi melariskan hasil jualan produk atau perkhidmatan mereka.

Jika dilihat dari sisi yang lain pula, tidak dinafikan bahawa ramai individu yang kehilangan pekerjaan manakala terdapat sebilangan besar peniaga terpaksa menggulung tikar lantaran impak pandemik yang menjejaskan ruang dan peluang mereka untuk bertahan lama dalam bidang perniagaan yang semakin mencabar (Digital HM, 2020). Namun, kerancangan urus niaga secara dalam talian (*online*) telah membuka dimensi baharu dalam dunia perniagaan dan pekerjaan. Kekangan berurusan secara bersemuka (*face to face*) jelas tidak menghalang keinginan pelanggan untuk terus melaksanakan aktiviti urus niaga. Hal ini kerana para pelanggan kini semakin bijak dalam mengaplikasikan segala kemudahan teknologi yang ada untuk terus mendapatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga yang telah memanfaatkannya terlebih dahulu. Dalam konteks ini, para peniaga yang terjejas perlu sentiasa berfikir inovatif dan kreatif serta memaksimumkan segala ruang dan peluang yang ada dalam usaha melariskan produk dan perkhidmatan masing-masing dalam situasi sebegini bagi mengelakkan diri daripada gulung tikar (Mohd Azlim Zainury, 2020). Hal ini boleh dilihat menerusi perkhidmatan penghantaran makanan seperti Foodpanda dan GrabFood yang seolah-olah menjadi gaya hidup baharu yang bersifat kontemporari yang secara dasarnya menjimatkan masa dan tenaga para pelanggan.

Sebagai tamsilan, Pos Malaysia menerima peningkatan terhadap permintaan yang sangat mendadak menerusi segmen perniagaan utama mereka, iaitu perkhidmatan penghantaran barangan kepada para pelanggan (Mohd Zaky Zainuddin, 2020; Sri Ayu Kartika Amri, 2020). Sesungguhnya, senario ini memberikan satu kelebihan kepada perniagaan mereka tanpa perlu mengurangkan kakitangan yang sedia ada malah mampu menawarkan peluang pekerjaan yang luas kepada orang awam. Para usahawan patut melihat gaya baharu ini sebagai peluang yang tidak wajar disia-siakan. Hal ini kerana jika perniagaan masa kini masih bersifat tradisional, iaitu peniaga hanya sekadar “tunggu dan lihat” untuk mendapatkan pelanggan terhadap segala produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Tamparan pandemik ini diharapkan mencetuskan suatu hikmah yang sangat

bermakna kepada peniaga untuk dipertimbangkan demi manfaat bersama. Perubahan sikap perlu menjadi landasan baharu untuk berhijrah ke arah yang lebih baik sejajar dengan sabda Rasulullah yang menyuruh kita agar sentiasa mempelajari sesuatu yang baru sebagai panduan berguna kepada perubahan model perniagaan untuk bangkit kembali.

Sekiranya perniagaan tersebut tidak mampu bertahan sepanjang tempoh ini lantaran sifat perniagaan tersebut yang mewajibkan urus niaga secara bersemuka atau fizikal seperti industri inap desa (*homestay*), perhotelan mahupun pusat gimnasium, apa salahnya jika usahawan menyorot kembali akan kekuatan yang dimiliki untuk melihat dari sudut pandang berbeza yang sebenarnya selama ini tidak disedari. Mahu tidak mahu, demi kesinambungan perniagaan, usahawan perlu melihat ledakan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai satu anjakan paradigma era baru yang perlu dikuasai sebaik mungkin. Walaupun pakar ekonomi mengeluarkan kenyataan yang tentunya agak menggusarkan semua pihak, seharusnya ia tidak perlu dijadikan alasan yang bakal mematikan semangat usahawan untuk terus berjaya. Hal ini kerana pandemik ini sewajarnya dianggap sebagai suatu hikmah dalam usaha mencetuskan kesedaran dalam minda kita bahawa urus niaga secara dalam talian (*online*) mampu memastikan kelestarian sesuatu perniagaan sepanjang tempoh PKP yang sedang dikuatkuasakan kini.

## Rujukan

- AFP. (2020, April 10). PKP: World faces new 'Great Depression' as Covid-19 toll mounts. *New Straits Times*. Dicapai dari <https://www.nst.com.my/world/world/2020/04/582974/world-faces-new-great-depression-covid-19-toll-mounts>.
- Digital HM. (2020, Jun 5). Trend hilang kerja dijangka naik 200%. *myMETRO*. Dicapai dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/06/586119/trend-hilang-kerja-dijangka-naik-200>.
- Mohd Azlim Zainury. (2020, April 9). Peniaga perlu kreatif jika tidak mahu gulung tikar: Penganalisis. *Sinar Harian*. Dicapai dari <https://www.sinarharian.com.my/article/78102/KHAS/Koronavirus/Peniaga-perlu-kreatif-jika-tidak-mahu-gulung-tikar-Penganalisis>.
- Mohd Zaky Zainuddin. (2020, Mei 6). PKP: Segmen kurier Pos Malaysia catat permintaan amat tinggi. *BH Online*. Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/685759/pkp-segmen-kurier-pos-malaysia-catat-permintaan-amat-tinggi>.
- Sri Ayu Kartika Amri. (2020, Mei 6). PKP: Pos Laju terima sehingga 770,000 parcel sehari [METROTV]. *myMETRO*. Dicapai dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/570261/pos-laju-terima-sehingga-770000-parcel-sehari-metrotv>.
- World Health Organization. (nd). *Coronavirus disease (COVID-19) pandemic*. Dicapai dari <https://www.euro.who.int/en/health-topics/health-emergencies/coronavirus-covid-19/novel-coronavirus-2019-ncov>.

## PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL DAN COVID-19

**FARAH SHAZLIN JOHARI**

*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka*

Wabak pandemik COVID-19 yang menguasai seluruh dunia termasuklah Malaysia merupakan krisis kesihatan yang bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan, malahan mengancam kelangsungan hidup masyarakat. Pandemik ini juga memberi impak yang buruk sehingga menjejaskan kebanyakan sektor ekonomi negara. Malah, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menjangkakan krisis COVID-19 mampu meningkatkan kadar pengangguran terutamanya dalam sektor perkhidmatan (Abdull Rahman, 2020). Ia turut dibuktikan lagi dalam hasil dapatan bagi tinjauan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang mendapati pekerja dalam sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan kadar peratusan tertinggi kehilangan pekerjaan, diikuti sektor pertanian dan juga sektor pembinaan.

Walau bagaimanapun, tidak semua sektor perkhidmatan terjejas, sepertimana industri insurans yang kebanyakannya masih mampu meningkatkan keuntungan ketika menghadapi isu pandemik ini. Terutamanya, industri insurans yang melibatkan polisi takaful menunjukkan peningkatan penjualan polisi penjagaan kesihatan berikutan penularan wabak pandemik ini. Malah, Ketua Pegawai Eksekutif, ALLIANZ Malaysia Berhad, Encik Zakri Khir juga bersetuju bahawa kesan penularan pandemik COVID-19 telah membuka peluang kepada industri insurans kerana rakyat Malaysia kini lebih prihatin terhadap tahap kesihatan masing-masing (ALLIANZ Malaysia Berhad, 2020). Melalui platform digital, kebanyakan agen insurans mampu menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam operasi untuk menjalankan urusan niaga penjualan polisi penjagaan kesihatan.

Malah, kebanyakan syarikat takaful yang bernaung di bawah Persatuan Takaful Malaysia (MTA) menawarkan pelbagai bantuan yang bermanfaat terutamanya kepada pemegang polisi yang terkesan dengan wabak pandemik ini. Salah satu bantuan yang ditawarkan adalah penangguhan pembayaran premium ataupun caruman selama tiga bulan kepada pemegang polisi yang kehilangan sumber pendapatan. Dalam tempoh ini, syarikat insurans takaful akan terus menyediakan perlindungan insurans dan takaful kepada pemegang polisi yang terjejas (Mohamad, 2020).

Selain itu, syarikat takaful juga menawarkan pemberian bantuan tunai sehingga RM5,000 kepada pemegang polisi yang disahkan dijangkiti positif COVID-19. Bantuan tersebut juga meliputi manfaat bagi pendapatan hospital sekiranya pemegang polisi yang

dimasukkan ke hospital akibat wabak pandemik ini. Malah, manfaat bayaran penuh kematian dari RM6,000 hingga RM20,000 juga ditawarkan kepada waris pemegang polisi, sekiranya berlaku kematian akibat pandemik ini (Bernama, 2020). Oleh yang demikian, peningkatan penjualan polisi bukan sahaja memberi manfaat kepada syarikat insurans takaful, malah ia turut memberi manfaat kepada pemegang polisi.

### Rujukan

- Bernama (2020, April 11). Insurans hayat, takaful keluarga terima 19,000 pertanyaan. *Sinar Harian*, Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/78485/BERITA/Nasional/Insurans-hayat-takaful-keluarga-terima-19000-pertanyaan>
- Mohamad, H. F. (2020, Mac 24). Covid-19: Firma takaful tawar pelbagai manfaat bantuan. *Berita Harian Online*, Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/668695/covid-19-firma-takaful-tawar-pelbagai-manfaat-bantuan>
- ALLIANZ Malaysia Berhad (2020, Mei 4). Syarikat insurans nyala harapan. *My Metro*, Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/574306/syarikat-insurans-nyala-harapan>
- Abdull Rahman, R. F. (2020, April 16). Kesan Covid-19 ke atas pekerja dan majikan. *Astro Awani*, Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesan-covid-19-ke-atas-pekerja-dan-majikan-238383>

## COVID-19 MENGGANAS, USAHAWAN TERTEWAS...

ZARINAH ABU YAZID<sup>1</sup> & NORRAEFFA MD TAIB<sup>2</sup>  
*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka*

Lembaran tahun 2020 yang dinanti dengan penuh keterujaan, rupa-rupanya memberikan kejutan yang tidak diduga. Dunia dikejutkan dengan kehadiran wabak penyakit koronavirus (Covid-19) yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Satu demi satu berita jangkitan dan kematian tersebar di seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali.

Pastinya yang paling terkesan adalah para usahawan. Tidak kira besar atau kecil, ramai yang terpaksa gulung tikar. Di negeri Melaka sebagai contoh, Hotel Ramada yang telah beroperasi hampir 40 tahun lamanya terpaksa ditutup sepenuhnya pada 1 Julai 2020 akibat krisis pandemik Covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, telah memberi kesan secara langsung kepada industri perhotelan.

Bagaimana pula dengan nasib usahawan kecil? Sudah pasti ramai yang terjejas. Sehingga Mei 2020, usahawan-usahawan seperti pengusaha salon rambut dan agensi pelancongan masih tidak beroperasi. Tiada aliran masuk tunai mendorong banyak perniagaan ke ambang kebangkrapan dan seterusnya menyebabkan pemberhentian pekerja secara besar-besaran sebelum perniagaan ditutup. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah menganggarkan lebih 2.4 juta rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan disebabkan ketidakupayaan majikan membayar gaji dan banyak syarikat terpaksa menamatkan perniagaan mereka.

Situasi ini diburukkan lagi kerana kebanyakan usahawan kecil ini tiada simpanan untuk menampung sekurang-kurangnya 6 bulan operasi. Maka, tidak hairanlah ramai usahawan mengeluh dan bimbang kemungkinan perniagaan mereka akan ditutup walaupun PKP baru berjalan selama 2 minggu.

Secara amnya, berdasarkan situasi di atas, kesedaran terhadap pengurusan kewangan masih berada pada tahap rendah di kalangan usahawan-usahawan kecil. Justeru, sedikit tips atau panduan diberikan di sini untuk para usahawan tentang pengurusan kewangan sistematik supaya mereka kekal berdaya maju.

### 1. Nilai Situasi Kewangan Semasa

- Senaraikan semua aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang ada.

- Kenalpasti semua sumber pendapatan, termasuk pendapatan pelaburan jika ada.
- Senarai ini membantu anda mendapat gambaran yang jelas tentang kedudukan kewangan semasa dan seterusnya memudahkan anda untuk membuat keputusan.

## **2. Belanja mengikut Kemampuan**

- Ukur baju di badan sendiri
- Hentikan pembelian barangan yang tidak perlu
- Guna wang tunai untuk pembelian barangan
- Hanya guna kad kredit jika anda boleh selesaikan jumlah keseluruhan bayaran

## **3. Tingkatkan Dana Kecemasan**

- Perlu ada simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 6 bulan pendapatan
- Semasa kemelesetan ekonomi, cuba untuk tingkatkan lagi simpanan anda
- Kurangkan perbelanjaan dan jangan terikat dengan pelaburan baru

## **4. Lindungi Pendapatan Anda**

- Sekiranya berlaku kemelesetan ekonomi, cuba untuk pelbagaikan sumber pendapatan
- Jangan tunggu dan lihat. Usahawan mesti proaktif, contoh jika restoran anda ditutup, anda boleh menukar kepada pesanan atas talian dan membuat perkhidmatan penghantaran makanan kepada pelanggan. Usahawan perlu mengorbankan sedikit masa, tenaga dan ingat yang penting mesti ada aliran masuk tunai.
- Anda boleh juga wujudkan aliran pendapatan daripada pelaburan sedia ada. Contoh, jika anda mempunyai rumah dan tidak bercadang untuk menjualnya, mungkin anda boleh sewakan rumah tersebut bagi mewujudkan aliran pendapatan.

Diharap penulisan dan panduan yang diberi dapat membantu usahawan dalam merancang aliran keluar masuk tunai dan seterusnya merancang strategi untuk kekal relevan di dalam dunia perniagaan. Semua usahawan perlu sentiasa bersedia menghadapi apa jua fasa perubahan dunia yang memberi kesan besar kepada perniagaan. Setiap yang berlaku ada hikmahnya, marilah bersama-sama kita berdoa agar wabak Covid-19 ini ada penawarnya.

**Rujukan:**

Hawati Abdul Hamis (2020). Pelbagaikan ekonomi serap lebih tenaga kerja. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/678148/pelbagaikan-ekonomi-serap-lebih-tenaga-kerja>

Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Sekretariat Dan Jawatankuasa Khas Dosm Menangani Covid-19: Statistik & Info-Media (Bda) Bil 3/2020. Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7\\_Publication/Articles/20200325-Isu\\_dan\\_Berita\\_Bil\\_3\\_2020.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Articles/20200325-Isu_dan_Berita_Bil_3_2020.pdf)

Emmanuel, M. (2020). Melaka's Ramada hotel announces closure. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/588550/melakas-ramada-hotel-announces-closure>

## COVID-19 DAN PKP: KESAN KEPADA USAHAWAN PENTERNAKAN ARNAB PEDAGING

NUR SURAYA ABDULLAH

*Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka*

Umum mengetahui bahawa pada penghujung tahun 2019, dunia digemparkan dengan penularan wabak penyakit koronavirus 2019 atau kini dikenali sebagai Pandemik Covid-19. Penyakit pandemik ini pada mulanya dikesan dalam kalangan penduduk setempat di sebuah wilayah di Wuhan, China (World Health Organization, 2020) dan sehingga kini ia telah menjangkiti lebih daripada lima juta penduduk di serata dunia (. Malaysia juga tidak terkecuali berhadapan dengan penularan virus ini. Namun begitu, atas tindakan proaktif kerajaan dalam mengekang penularan wabak ini, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytiharkan bermula 18 Mac 2020. Semasa PKP, masyarakat tidak dibenarkan berada di luar rumah mahupun di tempat awam tanpa sebarang tujuan penting (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP ini juga telah menjejaskan beberapa sektor utama negara seperti pertanian, penternakan, perikanan, pelancongan dan perhutanan dan keadaan ini turut memberi impak kepada para peniaga dan usahawan kecil yang terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan dan keusahawanan (Mahanum, 2020)

Situasi ini turut dirasai oleh seorang anak muda dikenali sebagai Muhammad Fairusz yang menjalankan penternakan arnab pedaging di Jengka, Pahang di bawah jenama syarikatnya *TiQ Farm Enterprise*. Bermula dengan hanya menternak lapan ekor induk arnab betina dan seekor pejantan, beliau kini telah memiliki lebih daripada 60 ekor induk betina dan 10 ekor pejantan setelah lebih lapan bulan melibatkan diri dalam bidang penternakan

arnab pedaging ini. Menurut beliau, seekor induk betina mampu menghasilkan antara lima hingga sepuluh ekor anak arnab. Prestasi pembesaran anak-anak arnab berkenaan juga akan dipantau bagi menentukan sama ada ia sesuai untuk dijadikan baka ataupun bagi tujuan pengeluaran daging di mana ia akan disembelih pada umur antara 90 hingga 100 hari.

Menurut saudara Fairusz, Covid-19 dan PKP turut memberi kesan kepada beliau dalam meneruskan perusahaan penternakan arnab ini. Rutin yang sering dilakukan juga terbatas dan beliau telah banyak melakukan beberapa perubahan bagi memastikan perusahaan ini terus berjalan tanpa menjejaskan perkembangan arnabnya. Antara cabaran utama yang dilalui beliau ialah kekurangan bekalan makanan untuk ternakannya. Keadaan ini berlaku kerana kilang pembekal makanan ternakan telah mengehadkan pengeluaran makanan haiwan ternakan kerana bilangan pekerja yang terlibat dalam penghasilan palet ternakan perlu dikurangkan bagi mematuhi PKP. Kesan daripada kekurangan stok ini, telah menyebabkan kenaikan harga beberapa jenis palet makanan ternakan antara RM 0.50 sehingga RM 2.00 setiap beg. Keadaan ini tidak memberi kesan yang banyak pada awalnya, kerana kebiasaannya beliau akan membeli stok makanan ternakan untuk tempoh sebulan ke hadapan. Namun begitu, dengan perlanjutan tempoh PKP, beliau tiada pilihan lain selain membeli stok makanan tersebut bagi memastikan ternakan beliau terus membesar dan mampu mengeluarkan hasil. Namun begitu, beliau turut memberi makanan sampingan daripada sumber tumbuh-tumbuhan hijau bagi memenuhi keperluan nutrisi arnab ternakannya.

Selain kenaikan harga barang, Covid-19 dan PKP turut menjejaskan pendapatan kerana permintaan terhadap daging arnab sedikit menurun. Kebiasaannya daging arnab dibeli oleh pembeli tetap yang menjalankan perniagaan berasaskan makanan. Oleh sebab premis makanan tidak dibenarkan beroperasi untuk sementara waktu, maka permintaan terhadap daging arnabnya berkurangan. Keterbatasan untuk bergerak dan keluar dari jarak melebihi 10 km juga menghalang beliau untuk melakukan penghantaran stok kepada pembekal di luar.

Namun begitu, keadaan ini tidak membuatkan beliau berputus asa, sebaliknya pelbagai usaha telah dilakukan bagi memasarkan produknya agar masih dapat terus dipasarkan. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan memasarkan daging arnabnya kepada penduduk setempat. Pelbagai promosi dilakukan melalui medium dan media sosial seperti mudah.my, Facebook dan WhatsApp group dan ternyata kaedah ini mampu meningkatkan penjualan daging arnab. Beliau juga memberikan harga promosi kepada pelanggan yang berminat dan ini secara tidak langsung bukan sahaja dapat meluaskan pasaran arnab, malah turut mampu menarik minat orang ramai untuk cuba merasa



keenakan daging arnabnya. Najis arnab juga diproses sebagai sumber baja organik yang turut mendapat permintaan dalam kalangan penduduk setempat. Selain itu, beliau juga turut menanam pelbagai tanaman lain seperti labu, cili dan rebung buluh yang dipasarkan dalam kalangan penduduk setempat sebagai pendapatan sampingan.

Bagi anak muda ini, walaupun Covid-19 dan PKP ini memberi kesan kepada aktiviti keusahawanannya, namun yang penting baginya adalah mematuhi seruan kerajaan bagi memutuskan rangkaian Covid-19 agar semua sektor perniagaan dan keusahawanan di Malaysia mampu beroperasi seperti biasa dan seterusnya berupaya membantu menjana ekonomi negara pada masa hadapan.



**Rujukan**

- Mahanum, A.A. (2020, April 3). COVID-19: Hanya 45 peratus kapasiti ekonomi beroperasi sepanjang PKP - Bank Negara. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/672581/covid-19-hanya-45-peratus-kapasiti-ekonomi-beroperasi-sepanjang-pkp>
- Majlis Keselamatan Negara. (2020, Mac 18). Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan. Retrieved from: <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyataan-media-mkn-18-mac-2020/>
- World Health Organization. (2020, Mac 11). WHO Director-General Opening Remarks at the Media Briefing on Covid-19 - 11 March 2020. Retrieved from: <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>

## **COVID-19 DAN CABARAN KEPADA PERNIAGAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) : INDUSTRI SOKONGAN SEKTOR KESIHATAN**

**KHAIR SYAKIRA BUSTAMAM & SITI AZRINA ADANAN**

*Fakulti Perakaunan (FPN), UiTM Cawangan Melaka*

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia setakat ini telah menjangkiti lebih daripada 7.8 juta populasi dunia (data sehingga 15 Jun 2020) (Channel New Asia, 2020). Ia bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan sejagat, malahan juga meninggalkan kesan jangka panjang kepada ekonomi dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dari pandemik ini. Dengan jumlah kes yang agak tinggi, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dikuatkuasakan bermula dari 18 Mac sehingga 31 Ogos 2020. Ini adalah faktor yang mendorong kepada kesan negatif terhadap ekonomi kerana ianya telah menghadkan aktiviti ekonomi secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, tindakan pantas Perdana Menteri mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin untuk mengekalkan kelangsungan individu dan perniagaan dapat mengurangkan impak perintah kawalan ini (Berita Harian Online, Mac 2020)

Ketika industri lain terpaksa menghentikan perniagaan sepanjang tempoh perintah kawalan terutamanya ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), industri-industri penting negara dibenarkan beroperasi untuk memenuhi keperluan penting individu, perniagaan dan kerajaan. Antara sektor yang dibenarkan untuk terus beroperasi adalah

sektor perbankan, makanan, pertanian, perubatan/kesihatan dan lain-lain lagi. Cabaran bagi sektor-sektor ini semestinya berbeza berbanding cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sektor yang terpaksa dihentikan operasinya sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini. Jika sektor lain yang terpaksa menghentikan operasi akur dengan cabaran tiada pendapatan sepanjang tempoh tersebut, sektor penting yang beroperasi pula berhadapan dengan cabaran permintaan yang tinggi, sehingga menyebabkan mereka terpaksa menggunakan segala sumber yang ada untuk memenuhi permintaan.

Majoriti dapat menganggarkan apakah cabaran-cabaran lain yang terpaksa dihadapi oleh sektor yang terpaksa memberhentikan operasinya sepanjang tempoh kawalan seperti ketiadaan sumber pendapatan yang menyebabkan aliran tunai terjejas dan lambakan stok yang terpaksa disimpan. Namun, kami tertarik untuk lebih mengetahui cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sektor yang masih dibenarkan beroperasi untuk memenuhi permintaan. Untuk mendapatkan pandangan yang lebih jelas, kami telah menemu bual Pengarah Urusan syarikat Dasar Asli Sdn Bhd, Encik Nazril Shah Musa mengenai cabaran yang dihadapi oleh syarikatnya untuk meneruskan operasi sepanjang tempoh kawalan ini (PKP).

Dasar Asli Sdn Bhd adalah syarikat bumiputera yang terlibat secara langsung membekalkan produk berasaskan linen seperti ("cubicle curtain", "isolation gown", "mattress protector", "scrub suit", "patient gown", dan lain-lain) untuk kegunaan hospital kerajaan dan swasta di selatan Malaysia. Syarikat ini diberi arahan dari konsesi kerajaan untuk terus menjalankan operasi sepanjang tempoh kawalan pergerakan (PKP) ini untuk memenuhi permintaan bekalan hospital terutama sekali ketika negara sedang mengalami kekurangan bekalan barangan akibat wabak Covid-19 ini. Menurut Encik Nazril, tempoh kawalan pergerakan (PKP) ini adalah satu tempoh yang penting kerana pihak hospital memerlukan bekalan linen yang mencukupi terutama sekali kegunaan untuk jabatan yang mengendalikan kes Covid-19. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Dasar Asli Sdn Bhd sepanjang tempoh (PKP) ini ialah:

#### 1. Bekalan bahan mentah

- Bekalan bahan mentah yang terhad. Ini kerana bahan mentah kebanyakannya di import dari luar negara seperti China dan Pakistan. Tempoh kawalan pergerakan ini menyebabkan penghantaran bahan mentah mengalami kelewatan. Ini menyebabkan pengeluaran terganggu.

#### 2. Masalah dari pihak pembekal

- Sebahagian pembekal tidak beroperasi kerana ketiadaan pekerja yang risau dengan wabak ini.
- Pembekal dari China, syarikat “forwarding” dan sesetengah peniaga borong menaikkan harga bekalan kerana keperluan yang mendesak, permintaan yang tinggi dan kekurangan bekalan di pihak mereka.

### 3. Pelanggan

- Permintaan luar jangka yang mendesak yang kadang kala tidak dilampirkan bersama-sama dokumen sokongan seperti “purchase order” ataupun pengeluaran “purchase order” yang lambat. Ini memberi risiko yang tinggi kepada pihak syarikat kerana pembelian segera seperti ini pada kebiasaannya akan menyebabkan kelewatan dalam pembayaran di mana pembelian kecemasan ini tiada di dalam belanjawan mereka.
- Bekalan banyak tidak mengikut spesifikasi kerana pelanggan berada di dalam keadaan kelam-kabut dan panik membuatkan syarikat terpaksa membuat semula barangan dengan kos yang terpaksa ditanggung sendiri.

### 4. Suasana Kerja

- Penghantaran pesanan yang terhad terutamanya penghantaran ke kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan zon merah Covid-19.
- Suasana kerja yang berisiko, ini sebenarnya mendedahkan pekerja kepada wabak Covid-19 kerana terpaksa hadir ke premis syarikat.
- Tempoh kawalan pergerakan (PKP) ini juga mengehendkan pergerakan untuk mendapatkan sumber barang mentah.

### 5. Lain-Lain

- Tukaran wang asing USD yang tinggi (2 April 2020 pada kadar RM4.44 dibandingkan pada Januari RM4.15) untuk pembayaran bahan mentah yang diimport dari China.

Dengan segala kekangan dan cabaran yang terpaksa ditempuh sepanjang tempoh sukar ini, operasi tetap juga diteruskan untuk kelangsungan syarikat dan sektor kesihatan negara. Cabaran yang dibawa oleh Covid-19 ini sebenarnya sedikit sebanyak mengajar PKS untuk lebih bersedia dalam menghadapi sebarang situasi luar jangka yang memerlukan tindakan pantas dan pengurusan yang baik. Di sebalik dugaan ini, kebanyakan PKS di Malaysia masih beruntung kerana kerajaan telah mengumumkan dana dibawah Pakej ransangan Ekonomi Priharin Rakyat dengan tujuan membantu PKS untuk terus bertahan dalam cabaran yang getir ini (Berita Harian Online, April 2020). Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran yang dilalui ini adalah berdasarkan pengalaman individu syarikat (Dasar Asli Sdn Bhd), dan tidak mewakili ataupun merangkumi cabaran sebenar yang dilalui oleh syarikat-syarikat PKS lain di dalam industri ini secara keseluruhannya.

## Rujukan

Musa, Nazril Shah, (2020, April 3): COVID-19 dan Cabaran kepada Perniagaan Kecil dan Sederhana (Temu-bual lisan)

Berita Harian Online. (2020, Mac 27 ). Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669966/pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat>

Berita Harian Online. (2020, April 1). COVID-19: PKS susun strategi kekalkan perniagaan. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/671726/covid-19-pks-susun-strategi-kekalkan-perniagaan>

Channel News Asia (CNA). (2020, June 15). COVID-19 map: Tracking the coronavirus outbreak worldwide. Di ambil dari <https://infographics.channelnewsasia.com/covid-19/map.html>



---

# SINERGI KEUSAHAWANAN

---

Sinergi Ilmu Menjana Ekonomi Baharu



Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development  
MASMED



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka



**MASMED**  
Malaysian Academy of SME &  
Entrepreneurship Development

eISSN 2735-0185



9 772735 018001